

Jilid I
Bil. 24



MALAYSIA

**Hari Rabu
14hb Julai, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 2809]

USUL:

Ranchangan Malaysia Kedua 1971-1975 (Hari Ketiga) [Ruangan 2844]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 14hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Ultra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

„ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

„ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

„ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

„ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).

„ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).

„ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

„ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

„ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).

„ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

„ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).

„ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

„ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

„ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

Yang Berhormat TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

„ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

„ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

„ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

„ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

- Yang Berhormat TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- Yang Berhormat RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.G.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADHIR:

- Yang Berhormat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

„ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

„ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSEIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).

„ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

„ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

„ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGlima ABDULLAH (Darvel).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

GETAH—SISTEM TIMBANGAN MEMBELI

1. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan mengapa saudagar² getah membeli getah dari pekebun² kecil menggunakan kati dan tahlil walau pun sistem metrik telah di-gunakan dengan rasmi-nya, menyebabkan kesusahan

kapada pekebun² kecil mengira harga getah. Ada-kah Kementerian beliau akan mengambil tindakan supaya suatu sistem timbangan di-gunakan dalam perkara ini.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker, sungguh pun sistem metrik belum lagi di-gunakan dengan sa-chara resmi di-dalam negeri ini tetapi Pasaran Getah Malaysia (Malaysian Rubber Exchange) telah pun mula mengishtiharkan harga pasaran bagi getah dengan menggunakan kilo semenjak 11hb Februari, 1971. Dalam pada itu pun pembelian getah oleh pembeli² getah dari pekebun² kecil boleh lagi di-jalankan dengan menggunakan timbangan kati dan tahlil

supaya tidak berlaku kesusahan jika penukaran serta merta kepada timbangan sa-chara metrik di-kuat-kuasakan. Ada-lah menjadi tujuan Kementerian saya supaya satu sistem timbang dan ukoran metrik yang sama akan di-gunakan dan untuk mencapai tujuan ini Kerajaan sedang mengambil langkah untuk mengemukakan satu undang² yang selaras supaya sukat dan timbangan sa-chara metrik akan boleh di-gunakan. Sa-bagai langkah permulaan, Kementerian saya akan mengemukakan dalam Persidangan Parlimen ini satu bil timbangan dan sukat metrik dengan tujuan supaya sistem pembelian dan penjualan getah sa-chara metrik yang di-gunakan pada masa sekarang di-sahkan.

Tuan Su Liang Yu: *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that many rubber dealers do not clearly display a board in their shops to show the daily current prices of rubber as well as showing duty and cess which will help small rubber holders to know exactly the prices of rubber? If such is the position, then would the Honourable Minister make a ruling that all rubber prices, including duty and cess, be clearly displayed in their shops for the public to know the exact prices of rubber daily?

Tuan Mohamed Khir Johari: *(Dengan izin)* Sir, it is the responsibility of the various Rubber Licensing Boards in the various districts to see to it that all the conditions pertaining to the licensing of rubber are carried out by the rubber dealers.

Tuan Chan Yoon Onn: *(Dengan izin)* Will the Honourable Minister set a target date for introducing this system?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, I will have a lot more to say when I bring the Bill to this House at a later stage.

KESIBOKAN LALU-LINTAS

2. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom sama ada Kerajaan memikirkan kesibokan lalu-lintas pada masa yang akan datang sa-kurang²-nya dalam masa 20 tahun, dan membuat jalan 8 jurusan dari Kuala Lumpur ka-Port Swettenham tidak seperti yang ada sekarang 4 jurusan.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang ada menyediakan

Ranchangan Jangka Pendek 5 Tahun dan Jangka Panjang 20 Tahun untuk memperbaiki kedudukan lalu-lintas jalan² raya di-seluruh negeri ini. Kajian² yang telah di-jalankan di-bawah ranchangan² tersebut termasuk jalan raya Kuala Lumpur ka-Port Swettenham dan bilangan jurusan dan hala jalan² ini akan di-tetapkan mengikut hasil kajian tersebut. Mithal-nya di-antara Port Swettenham dan Klang satu jalan baharu 4 jurusan telah di-ukor dan tanah sedang di-ambil untuk pembinaan jalan ini. Oleh yang demikian di-antara Klang dan Port Swettenham akan ada 2 jalan muatan 4 jurusan di-jalan yang ada sekarang.

PUSAT BELIA PELUPOR NEGARA— BILANGAN PEMUDA² DI-LATEH

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

(a) bilangan pemuda² yang telah di-lateh di-Pusat Belia Pelupor Negara hingga sekarang; dan

(b) bilangan mereka yang telah mendapat pekerjaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, sa-takat ini 2,228 orang belia telah di-lateh di-Pusat Belia Pelupor Negara dan daripada jumlah 2,228 orang yang telah di-lateh 1,687 orang telah mendapat pekerjaan. Yang baki-nya ada-lah sedang di-lateh di-Institusi Latehan Perindasterian. Ada yang bekerja sendiri, ada yang menunggu panggilan temuduga atau pun menunggu keputusan temuduga.

CHIKU—KEMUNGKINAN MENGETIN

4. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah sama ada Kementerian beliau akan membuat kajian mengenai kemungkinan mengetin chiku.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Speaker, Bahagian Kajiteknik Makanan telah menjalankan penyelidikan di-atas kegunaan beberapa jenis buah²an dalam Malaysia. Oleh kerana terlampau banyak jenis buah²an dalam Malaysia dan juga kerana bahagian ini maseh kekurangan pegawai² yang terlateh, maka terpaksa-lah kita menetapkan keutamaan. Keutamaan itu ada-lah berdasarkan atas mustahak-nya tiap² jenis buah²an itu dari segi ekonomi dan perusahaan, dan juga mengikut

permintaan² untuk menyelidek daripada Jabatan² Kerajaan atau pun Badan² Berkanun, seperti Jabatan Pertanian, FAMA, FIDA, MARA, dan sa-bagai-nya. Penyelidekan telah di-buat untuk mengetin buah chiku dan juga untuk menjadikan jem, tetapi dalam pada itu bahagian ini telah menemui sedikit masalah mengenai getah yang di-terdapat daripada buah chiku itu. Pada masa ini bahagian itu sedang menjalankan usaha untuk menyelesaikan pemilehan jenis chiku yang tidak mengandongi getah, atau pun mempunyai sedikit sahaja getah apabila buah chiku itu masak. Juga penyiasatan sedang di-buat untuk mengeluarkan getah itu dengan cara menggunakan ubat.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) In view of the fact that the rambutan tastes just as delicious as the lychee, has the Research Department gone into the possibility of canning rambutans?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, in fact, the canning of rambutans has already been done and it is now being commercialised.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baharu² ini saya dapat menyaksikan pameran pertunjukan kemajuan negeri Perak di-Kuala Kangsar maka di-sana saya dapati ada satu pertunjukan oleh Kementerian Pertanian, pertunjukan kilang mengentin buah²an Malaysia ini—masukkan ka-dalam tin. Ada-kah Kementerian Pertanian dan Tanah menghantar pemuda² berlateh ka-kilang² di-Serdang supaya mereka menjadi sa-orang pekerja yang mahir di-kilang² dalam negeri ka-tempat itu?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya, ya.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, kalau ya, berapa orang sudah?

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis atas soalan itu.

PEMANDU² LORI/BAS/TEKSI— TINDAKAN

5. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan tindakan yang di-ambil oleh Kerajaan terhadap pemandu² lori, bas dan teksi yang

tidak mematuhi Undang² Jalan Raya untuk mengurangkan bilangan kematian akibat dari kemalangan jalan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, pehak Polis telah melancarkan beberapa gerakan pemereksaan terhadap kenderaan² yang tidak mematuhi Undang² Jalan Raya di-seluruh Malaysia dari sa-masa ka-samasa. Dalam tahun 1970 sahaja, sa-banyak 3,490 lori dan 1,200 teksi/bas telah di-dapati bersalah di-bawah Undang² Jalan Raya.

SIJIL² DAN DIPLOMA² PALSU LUAR NEGERI

6. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar ada-nya sa-buah pertubuhan haram di-luar negeri yang mengendalikan sijil² dan diploma² palsu untuk membolehkan penuntut² Malaysia melanjutkan pelajaran di-kolej² dan universiti² di-luar negeri, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk memastikan yang tiap² penuntut yang berchadang untuk melanjutkan pelajaran-nya di-luar negeri itu berkelayakan dan mempunyai sijil² dan diploma² yang tulin; dan jika tidak, nyatakan sama ada Kerajaan Malaysia akan menyiasat perkara ini dengan teliti melalui Kedutaan² kita di-luar negeri.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar.

Mungkin Ahli Yang Berhormat dapat memberikan maklumat² yang akan membolehkan Kementerian menyiasat mengenai perkara ini.

ORIENTASI DI-KOLEJ² DAN UNIVERSITI²

7. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan bahawa amalan orientasi yang terdapat di-kolej² dan universiti² di-negara ini ada-lah tidak menguntongkan konsep Rukunegara dan juga tidak sesuai dengan zaman tamaddun ini apa-kah langkah² yang telah di-ambil untuk menghapuskan amalan ini.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pehak Pentadbiran Universiti² serta Kolej² bersama dengan pelajar² sudah

pun mengambil tindakan yang sesuai untuk menyusun sa-mula achara² orientasi supaya orientasi² sa-bagaimana yang telah di-jalanan sa-lama ini tidak berlaku lagi.

MAKTAB TEKNIK—SHARAT MASOK

8. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada menjadi satu syarat bagi sa-tiap penuntut di-kehendaki lulus Bahasa Melayu II dalam Peperiksaan S.P.M. untuk memasuki Maktab Teknik Malaysia.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya, ya.

PERTUBOHAN PALESTIN AL-FATAH—DERMA

9. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri sama ada Kerajaan akan menderma kepada perjuangan Pertubohan Palestin, Al-Fatah bagi membolehkan mereka meneruskan perjuangan membebaskan Negara Arab. Sekira jawapan-nya tidak, sila beri penjelasan.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum pernah menguntokkan wang untuk Pertubohan Palestin. Walau pun begitu Kerajaan telah memberi kebenaran untuk menubuhkan sa-buah "Jawatan-kuasa Pembantu Palestin" khusus untuk menerima bantuan wang kepada pertubohan tersebut. Juga Kerajaan telah membenarkan Pertubohan Al-Fatah untuk membuka sa-buah pejabat di-Kuala Lumpur untuk menolong Jawatan-kuasa Pembantu Palestin dalam usaha²-nya untuk menyebarkan ma'alumat tentang perjuangan umat Palestin.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jika Kerajaan telah membenarkan Pertubohan Al-Fatah menubuhkan pejabat-nya di-sini dan mengutip wang untuk memperjuangkan negara-nya daripada di-ta'aloki oleh musuh-nya Israel, tidak-kah boleh Kerajaan membenarkan Pertubohan Orang² Islam di-Selatan Siam menubuhkan pejabat-nya di-sini untuk mengutip derma bagi membebaskan negara-nya daripada Kerajaan Siam?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, itu ada-lah soalan lain.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan yang di-beri, saya ingin mendapat sedikit penjelasan bahawa nampak-nya kita tidak memberi bantuan kepada Pertubohan Pembebasan Palestin daripada pihak Kerajaan sendiri. Jadi, kenapa kita tidak memberi bantuan itu, dengan sebab kita menyatakan bahawa kita menyokong kebebasan Palestin yang bererti perlu kita memberi bantuan sesuai dengan hasrat kita sa-bagai sa-buah negara Islam?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Al-Fatah di-Kuala Lumpur ini di-biayai oleh Jawatan-kuasa Pembantu Palestin itu dan dengan itu, maka ada-lah di-anggap bahawa langkah yang di-ambil oleh Kerajaan itu memadai.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah pada pandangan pihak Kerajaan bahawa Jawatan-kuasa itu memberi bantuan kepada Pertubohan Al-Fatah bererti Kerajaan memberi bantuan atau bagaimana?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang penting ia-lah bantuan kepada perjuangan Al-Fatah dan ra'ayat Palestin untuk menentukan nasib mereka sendiri, maka oleh kerana bantuan itu telah datang daripada ra'ayat Malaysia menerusi Jawatan-kuasa Pembantu Palestin, maka ini ada-lah suatu langkah yang sesuai dan memadai bagi peringkat ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan. kenapa bantuan kepada Pertubohan Palestin ini tidak di-beri sa-chara langsung oleh Kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh-kah Yang Berhormat itu berjumpa dengan Ahli yang di-sabelah sana, tidak boleh-kah?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta jawab dalam Dewan ini selalu-lah, tidak payah jumpa di-luar.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, jangan-lah bertanya banyak². Banyak lagi soalan yang lain untuk hendak di-tanya.

BANGLA DESH—PENDIRIAN KERAJAAN MALAYSIA

10. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Luar Negeri apa-kah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap Bangla Desh.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan dahulu bahawa krisis di-Pakistan Timor ini ia-lah hal dalam negeri dan saya berharap perkara ini dapat diselesaikan dengan baik dan keamanan dapat pulih sa-mula ka-negara ini.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Is the Government considering any aid to the refugees from West Pakistan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab dahulu soalan ini.

BOT² PUKAT TUNDA NELAYAN²

11. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah sama ada beliau sedar bahawa nelayan² di-kawasan² Tanjong Dawai dan Singkir Laut tidak bersetuju bot² pukat tunda di-tempatkan di-pengkalan Tanjong Dawai, jika sedar, mengapa-kah Kementerian baru² ini telah membenarkan Menteri Besar Kedah menempatkan bot² pukat tunda di-Tanjong dawai.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, nelayan² pukat tunda Shariat Kerjasama Tanjong Dawai di-benarkan kembali ka-pengkalan Tanjong Dawai kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kedah serta Majlis Gerakan Negeri Kedah telah melakukan beberapa pertemuan dengan nelayan² dan juga penyelidekan² di-Tanjong Dawai telah pun di-buat. Penempatan moto-bot² pukat tunda yang di-usahakan oleh nelayan² daripada Tanjong Dawai sendiri didapati akan membaiki perusahaan perikanan dan taraf kehidupan seluroh penduduk yang ada di-situ.

Tidak ada sa-barang persengketaan telah berlaku di-Tanjong Dawai semenjak motobot² pukat tunda ini berpengkalan sa-mula di-Tanjong Dawai semenjak 18hb Mei, 1971.

BOT² PUKAT TUNDA— MEMBENARKAN

12. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Menteri Pertanian dan Tanah sama ada beliau sedar bahawa perbuatan mem-

benarkan bot² pukat tunda berpengkalan di-Tanjong Dawai itu telah berchanggih dengan keputusan Kementerian yang tidak membenarkan nelayan² menggunakan pukat tunda di-kawasan Tanjong Dawai dan Kuala Merbok sa-bagaimana yang tertulis dalam surat bil. PM () 0061 Pejabat Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur yang bertarikh 5hb September, 1968.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, keadaan dan masa telah pun berubah. Sekarang sa-bilangan besar dari nelayan² sa-benar-nya di-Tanjong Dawai ia-itu lebih dari 300 orang ada-lah menyertai perusahaan memukat tunda. Oleh sebab itu dan bagi memperbaiki perusahaan perikanan dan taraf kehidupan nelayan di-Tanjong Dawai Kementerian ini bersetuju bot² pukat tunda itu balek berpengkalan di-Tanjong Dawai.

SURAU DI-RUMAH SAKIT UMUM ALOR STAR—PEMBENAAN

13. Tuan Abu Bakar bin Umar bertanya kepada Menteri Kesihatan sama ada beliau sedar bahawa sa-buah surau mustahak di-bena di-Rumah Sakit Umum Alor Star dan jika sedar, bila-kah surau itu akan di-bena.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, saya lebih sedar lagi daripada Yang Berhormat yang bertanya bahawa ada-lah mustahak membena sa-buah surau di-Hospital Besar Alor Star dan juga di-lain² Hospital Daerah dan Hospital Besar di-seluruh negara ini yang belum lagi mengadakan kemudahan ini, tetapi buat sementara itu kita juga mengikhtiarkan bilek² barangkali yang mana kosong sa-belum kita membena ini kita benarkan di-bersehkan buat tempat ibadat, ini sudah menjadi dasar Kerajaan Perikatan tidak menchuai²kan tempat hendak beramal. Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan juga dengan Kerajaan² Negeri dan saya harap Kerajaan Negeri Kelantan akan beri kerjasama yang penoh bagi mengadakan kemudahan² ini di-semua hospital². Berkenaan surau di-Hospital Besar Alor Star ini yang sa-benar-nya pelan-nya atau rajah² ada-lah sedang di-dalam di-siapkan dan pembenaan akan di-jalankan sa-berapa segera bila pelan itu sempurna.

PENYERTAAN BUMIPUTRA DALAM BIDANG SWASTA

14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian beliau sedang mengikuti dengan giat-nya kemajuan pehak swasta di-negeri ini terutama sekali penyertaan orang² bumiputra di-dalam bidang perdagangan dan perusahaan untuk kepentingan perpaduan negara; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau ada-lah berpuas hati dengan dasar Kerajaan mengambil lebih kurang 55,000 pekerja² berbilang bangsa untuk 487 buah projek² perusahaan yang bertaraf perintis, atau langkah² yang di-ambil oleh Kerajaan bagi melaksanakan dasar ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah benar Kementerian saya sedang dan akan terus-menerus mengikuti dengan rapi perkembangan² dalam perdagangan dan perusahaan yang di-buat oleh pehak swasta di-negeri ini dan mengambil langkah yang perlu supaya lebih banyak lagi bumiputra menyertai dalam kedua² bidang itu. Sa-bagaimana yang saya telah beritahu semalam satu Bahagian di-bawah Kementerian saya telah pun di-orientasikan untuk mengikuti penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perusahaan.

(b) Kementerian saya ada-lah berpuas hati dengan dasar ka-atas penggunaan tenaga manusia di-dalam projek² yang di-luluskan oleh Kerajaan yang mencherminikan keadaan penduduk² yang berbilang bangsa dalam negeri ini. Perangkaan yang terakhir menunjukkan bahawa dalam tahun 1969, daripada jumlah 26,155 orang dalam bidang penggunaan tenaga di-perusahaan² perkilangan yang di-beri galakan², 42.5% atau 11,126 orang dari-nya ada-lah terdiri dari orang² Melayu. Ada-lah di-ramalkan bahawa penggunaan tenaga pekerja² Melayu dalam sharikat² dalam tahun 1970 akan menunjukkan perengkat yang tinggi seperti itu juga.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini mengetahui bahawa ada sa-tengah² pehak swasta kurang senang hati mengambil belia² kita yang keluar daripada Maktab Teknologi

MARA atau Pusat Pelupor Negara kita bagi bekerja di-kilang² mereka, kalau di-ambil pun di-bayar gaji yang tidak sa-imbang dengan pekerja² yang lain, ada-kah sedar.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya tidak ada sa-orang pun yang keluar daripada College MARA—ITM yang tidak ada kerja sa-takat hari ini.

Jawapan yang kedua berkenaan dengan pemuda² yang keluar daripada Pusat Pelupor Negara memang ada lagi mereka yang tidak mendapat pekerjaan tetapi saya perchaya sedikit masa lagi mereka itu akan di-beri peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

TANAMAN LADA—LUAS EKAR

15. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

- (a) luas-nya tanah mengikut ekar di-Malaysia ini yang di-tanam dengan lada, jumlah hasil-nya bagi sa-tahun dan sama ada Malaysia menjadi ahli Persatuan Pengeluar Lada Sa-Dunia;
- (b) luas-nya tanah mengikut ekar yang di-tanam dengan koko dan jumlah hasil-nya bagi sa-tahun; dan
- (c) sama ada Kerajaan berchadang hendak meluaskan projek² yang tersebut di-atas.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan tanaman lada hitam di-Malaysia di-anggarkan berjumlah 18,000 ekar. Boleh di-katakan kesemua tanaman ini di-dapati di-dua buah negeri sahaja ia-itu 16,000 ekar di-Sarawak dan baki-nya lebih kurang 2,000 ekar di-negeri Johor. Sa-buah lagi negeri yang ada menanam lada hitam ia-lah negeri Sabah dan luas kawasan tanaman-nya ia-lah kira² 100 ekar sahaja. Hampir² semua lada hitam yang di-keluarkan di-Malaysia di-ekspot. Oleh yang demikian jumlah ekspot tahunan bolehlah di-anggarkan sa-bagai jumlah pengeluaran lada hitam di-dalam satu² tahun. Dalam tahun 1970 Malaysia mengeksport lada hitam berjumlah 25,858 tan bernilai \$59.06 juta.

Saya perchaya apa yang di-maksudkan oleh Yang Berhormat dengan Persatuan Pengeluar² Lada Hitam Antara Bangsa itu ia-lah Perkumpulan Lada Hitam atau "Pepper Community" yang baharu sahaja di-tubuhkan itu. Satu perjanjian telah pun di-tandatangani di-antara negeri² India, Indonesia dan Malaysia (tiga buah negeri yang menjadi peng-ekspot² lada hitam yang terbesar di-dunia)

di-Manila baharu² ini. Keahlian Perkumpulan ini terbuka kepada semua negeri² yang mengeluarkan lada hitam dan ada-lah di-harapkan negeri yang banyak mengeluarkan lada hitam seperti Brazil, Madagascar dan Ceylon akan memasoki perkumpulan ini.

(b) Luas-nya ia-lah 13,500 ekar di-Malaysia Barat, 9,930 ekar di-Sabah dan jumlah hasil-nya ia-lah 1,948 tan.

(c) Ya. Ada-lah menjadi polisi Kerajaan untuk memperluaskan lagi penanaman lada hitam di-negeri² Sarawak dan Johor. Di-negeri Johor, 250 ekar Rancangan Tanah Belia sedang di-buka untuk di-tanam dengan lada hitam. Ada-lah di-harapkan penanaman lada hitam di-ranchangan² seperti ini akan di-perluaskan hingga kepada 3,000 ekar. Di-Sarawak petani² di-beri pertolongan dengan baja dan kayu² panggar. Bantuan² serupa ini ada-lah tersangat berfaedah kepada petani² terutama sekali petani² bumiputra. Jabatan Pertanian Negeri Sarawak juga telah mengadakan kursus² bagi petani² ini untuk menambahkan pengetahuan mereka tentang penanaman lada hitam ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan dalam bahagian (b) berhubung dengan koko. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Pertanian sedar ini bahawa pekebun² kecil kita telah menanam koko chara selingan telah mendapat hasil satu kesulitan—satu kerugian yang di-dapati oleh pekebun² kecil kita berhubung dengan pasaran, tidak ada tempat hendak di-jualkan koko² yang telah di-usahakan itu, ada-kah Menteri ini sedar?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang pertama, ia-itu saya sedar tanaman koko ada-lah di-tanam di-bawah pokok² kelapa, kerana ini ada satu galakan yang Kementerian saya, atau pun Jabatan Pertanian membuat pada masa sekarang ini.

Berkenaan dengan masalah kesulitan pemasaran, perkara ini belum lagi sampai kepada saya dan saya sendiri memikirkan tidak ada masalah untuk hendak memasarkan koko kerana koko bukan-lah satu jenis tanaman yang boleh menjadi rosak sa-bagaimana jenis tanaman lain, atau hasil tanaman lain. Jadi kalau sa-kira-nya ada kemushkilan berkenaan dengan pemasaran koko mintalah berhubung supaya dapat kita ikhtikarkan pemasaran itu.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Ada-kah Kementerian Pertanian dan Tanah telah menjalankan penyiasatan bahawa selain daripada negeri² yang telah di-sebutkan itu ada negeri² yang lain di-Malaysia Barat ini yang sesuai dan boleh di-tanam dengan lada hitam?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, kajian sedang di-buat pada masa sekarang ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, dalam masalah koko tadi, saya gemar mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada-kah dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua kelak bagi pihak Kerajaan akan mendirikan satu kilang kerana memproses koko ini?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, bagi masa sekarang ini ranchangan-nya tidak ada, tetapi ini dapat kita kajikan daripada satu masa ka-satu masa.

DIPLOMAT² ASING DI-MALAYSIA—KEGIATAN²

16. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sejak Kemerdekaan kita dan sa-hingga sekarang, sama ada mana² diplomat asing di-negeri ini yang telah terlibat di-dalam kegiatan² yang mengancam kepentingan² Malaysia dan jika benar apa-kah langkah² yang beliau berchadang hendak ambil mengenai perkara ini.

Perdana Menteri: Jikalau ada terdapat ahli² diplomat yang terlibat dalam perkara² yang mengancam kepentingan negara kita, maka Kerajaan akan bertindak untuk menjadikan mereka itu *persona nongrata* dan di-singkirkan dari negara kita. Sa-hingga hari ini tiada-lah ahli² diplomat yang telah di-ambil tindakan seperti ini.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kenapa Duta Besar Malaysia di-Amerika Sharikat memegang jawatan ini lebih daripada 10 tahun. Boleh-kah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini ta' ada kena-mengena dengan soalan ini langsung.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ditentukan masa lantikan sa-saorang Duta Tetap ia-itu berapa lama jawatan itu boleh di-pegang oleh Wakil² Duta itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, lantikan Duta² kita di-luar negeri ia-lah hak Kerajaan. Kerajaan akan menentukan berapa lama sa-orang Duta itu patut memegang jawatan. Kalau sa-saorang Duta itu telah menjalankan pekerjaan dengan memuaskan hati, harus-lah dia di-tetapkan di-tempat itu lama sedikit.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar sa-tengah² daripada diplomat yang ada dalam negeri kita ini sa-telah kita membuat hubungan dengan Kerajaan-nya dengan chara ta' langsung atau chara langsung bahawa ahli² diplomatik itu telah menyogokkan kita atau memujuk kita supaya kita mengikuti dasar luar-nya atau pun bersimpati dengan dasar luar-nya?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ta' benar sa-kali², kalau ada pun tentu kita ta' ikut.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar bahawa sa-tengah² diplomat dalam negeri kita ini tidak membetuli perkhabaran² yang berlaku dalam negeri ini untuk dilaporkan kepada kerajaan-nya seperti mithalnya Peristiwa 13 Mei, dengan keadaan yang macham ini ada-kah pada masa yang akan datang segala perkhabaran yang di-keluarkan daripada negeri ini hendak-lah dapat kebenaran, dapat pengesahan daripada Kerajaan Negeri ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menasehatkan Ahli Yang Berhormat bahawa jikalau hendak membuat tuduhan² yang liar sa-macham ini mesti-lah berjaga² kerana ini boleh menyentuh perhubungan baik di-antara kita dengan negara² sahabat. Kalau ta' ada butir² yang tertentu, saya fikir perkara yang sa-macham ini ta' patut di-kemuka di-Dewan ini.

TULISAN JAWI—DASAR TETAP KERAJAAN

17. Tuan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) Apa-kah dasar tetap Kerajaan mengenai tulisan jawi; dan
- (b) Ada-kah telah di-buat arahan mewajibkan pengajaran-nya, dan apa-kah kesilapan² yang telah di-buat mengenai tenaga pengajar-nya?

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab soalan berkenaan:

- (a) Dasar tetap Kerajaan mengenai tulisan jawi ada-lah terkandung di-dalam Undang² Bahasa Kebangsaan ia-itu Akta Bahasa Kebangsaan yang berbunyi demikian:

"Tulisan bagi Bahasa Kebangsaan ia-lah tulisan rumi dengan syarat bahawa ini tidak melarang penggunaan tulisan Melayu yang lebeh di-kenali dengan nama tulisan jawi bagi Bahasa Kebangsaan."

- (b) Ya, tetapi di-hadkan kepada murid² Melayu sahaja. Murid² yang bukan Melayu hanya di-galakkan sahaja mempelajari tulisan jawi.

Tuan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kalau sa-kira-nya kedua² tulisan itu merupakan tulisan rasmi, maka kerana apa chara melaksanakan-nya itu tidak sa-rupa?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ini chara melaksanakan itu sa-rupa bagi kita menggalakkan, kita wajibkan murid² yang daripada keturunan Melayu mempelajari-nya, tetapi murid² yang bukan Melayu di-galakkan dan tidak di-wajibkan.

Tuan Haji Mohamed Zaim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, mengikut apa yang di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, tulisan

jawi itu ia-lah di-masokkan di-dalam pelajaran bahasa Melayu, tetapi pada hari ini kita dapati pelajaran jawi itu ia-lah di-jadikan sa-bagai satu mata pelepasan pilihan, tidak mata pelajaran wajib atau pun tidak mata pelajaran yang termesti. Soal-nya adakah Kerajaan berchadang supaya menjadikan tulisan jawi itu sa-bagai satu mata pelajaran yang wajib?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya terangkan, dasar yang tetap ada-lah terkandung di-dalam Akta Bahasa Kebangsaan kita. Pada masa ini saya sendiri ta' ada chadangan hendak meminda Akta itu.

SUKARELAWAN² DI-MALAYSIA— BILANGAN

18. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Perdana Menteri menyatakan bilangan sukarelawan² di-Malaysia sekarang serta negeri² asal mereka.

Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri (Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, bilangan sukarelawan² yang sedang berkhidmat di-negeri ini hingga 20hb Jun 1971 serta negeri² asal mereka ada-lah seperti berikut:

Dari Amerika Sharikat	...	347	orang
Dari Jepun	...	92	"
Dari Canada	...	45	"
Dari Jerman Barat	...	40	"
Dari Australia	...	29	"
Dari United Kingdom	...	20	"
Dari New Zealand	...	12	"
Jumlah semua	...	585	"

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, apa-kah bidang pekerjaan yang di-jalankan oleh sukarelawan² itu di-negeri ini. Sudi kira-nya di-sebutkan bilangan mereka² yang bertugas di-bidang yang tersebut.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jikalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan maklumat² itu di-persilakan membuat soalan yang berasingan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan, bagaimana-kah elau² yang di-bayar kepada mereka, ada-kah pehak

Kerajaan Malaysia ada membayar elau² kepada mereka sa-lain daripada yang di-dapati daripada negara mereka sendiri.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Ini ada-lah soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Menteri yang berkenaan menerangkan bahawa dengan ada-nya sukarelawan² ini, mereka mempengaruhi akhlak dan kebudayaan orang² kita di-Malaysia ini?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

PENYELUDUPAN KENDERAAN— BILANGAN

19. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:—

- bilangan kes² penyeludupan kenderaan ka-negeri ini, semenjak Malaysia hingga sekarang, dengan menyatakan negeri² dari mana kenderaan² ini di-seludup, dan
- anggaran harga dan kerugian chukai impot.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Speaker, jawapan-nya:—

- berdasarkan rekod² jenayah yang telah di-semak tiada terdapat kes² penyeludupan kenderaan ka-negeri ini.
- Tiada.

SEJARAH IBAN

20. Tuan Khoo Peng Loong minta Menteri Hal Ehwal Sarawak menyatakan sama ada beliau akan mendesak Kerajaan supaya mempertugaskan pengumpulan Sejarah Iban.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau ta' bersedia boleh di-tangguhkan kepada jawapan besok.

PULAU JEREJAK—CHADANGAN TEMPAT BUANGAN

21. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan berchadang menjadikan Pulau Jerejak tempat buangan.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saperti Ahli Yang Berhormat sedia ma'alom Kerajaan telah menubuhkan satu Pusat Pemulehan Akhlak di-Pulau Jerejak. Tidak ada chadangan pada masa sekarang untuk menubuhkan Pusat Pemulehan tersebut untuk menjadi tempat buang.

SISTEM RADAR MARCONI

22. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan menganggap sistem Radar Marconi lebih sesuai untuk digunakan daripada sistem radar yang ada sekarang ini di-Station Western Hill yang nyata kusut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sa-bahagian daripada jawapan bagi soalan Yang Berhormat telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat sendiri dalam soalan-nya. Untuk ma'aluman salanjut-nya bilangan kaki-tangan yang diperlukan bagi menyelenggarakan sistem Radar Marconi itu ada-lah sa-besar saperti yang di-perlukan untuk menyelenggarakan Sistem Radar Western Hill dan ini bermana-lah perbelanjaan penyelenggaraan yang lebih kecil lebih² lagi Sistem Radar Marconi ini boleh-lah di-pindah ka-satu tempat yang lain jika di-dapati perlu.

Tuan Loh Jee Mee: (Dengan izin) Supplementary question. May I ask the Honourable Minister of Defence to state when would the Marconi Radar System at the Royal Australian Air Force base at Butterworth be ready to replace the Western Hill Radar Station manned by Britain's Royal Air Force personnel in Penang?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, soalan itu kalau ta' silap saya akan di-jawab dalam satu soalan lain yang akan datang, kalau tidak silap saya satu dua hari lagi. Ada soalan lain yang bersamaan itu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan boleh ditunggu-lah.

TUDM—PENGAMBILAN SA-PENOH- NYA TUD AUSTRALIA DI-BUTTERWORTH

23. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Pertahanan menyatakan bila-kah Angkatan Tentera di-Raja Malaysia akan dapat mengam-

bil aleh sa-penoh-nya dari Angkatan Tentera Udara di-Raja Australia di-Butterworth.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Perkara ini tidak akan berlaku buat sementara ini melainkan jika perubahan dasar yang melibatkan peratoran² sekarang ini berlaku.

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, bila-kah Malaysia akan berpisah daripada Ibu Pejabat Naval Headquarters Woodlands, Singapura ka-Malaysia Barat?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Itu soalan lain, Dato' Yang di-Pertua

Tuan Thomas Selvaraj Gabriel: Baik, terima kasih.

PEKERJA² KUMPULAN PERUSAHAAN DAN BUROH KASAR

24. Tuan Yeoh Teck Chye minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kesemua pekerja² Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar serta kaki-tangan² Kerajaan Bahagian IV telah di-berikan taraf berpenchen sesuai dengan Perjanjian Perusahaan yang telah ditanda-tangani pada 22hb Julai, 1968; jika tidak, berapa lama lagi masa yang akan di-ambil untuk melaksanakan perjanjian ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, menurut perjanjian ini langkah² sedang di-ambil untuk melaksanakan shor² Surohan-jaya Suffian, akan tetapi bilangan pekerja² dalam Kumpulan Perusahaan dan Buroh Kasar dan juga pegawai² Bahagian IV yang terlibat ada-lah berjumlah lebih kurang 70,000 orang. Oleh itu tindakan memberi taraf berpenchen kepada mereka yang boleh di-tetapkan dalam jawatan berpenchen maseh berjalan lagi dan di-anggap akan siap pada hujung tahun ini.

KESATUAN² SEKERJA MALAYSIA TIMOR—AHLI²

25. Tuan Yeoh Teck Chye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan perihal apa maka Enche' David Tai Tse King dan Enche' Kok Fung Chong, kedua²-nya ahli kesatuan² sekerja di-Malaysia Timor telah di-tahan; ada-kah benar bahawa mereka telah di-tahan kerana menyokong chalun² pembangkang parti bebas dalam Pilihanraya Umum yang lalu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Speaker, jawapan kepada soal (a) Kedua² David Tai Tse King telah di-tahan di-Sandakan dan Kok Fung Chong di-Kota Kinabalu di-bawah Undang² Preservation of Public Security Regulations, 1962 pada 19 Mei, 1970 kerana mereka telah terlibat dalam kegiatan² yang mengancam perpaduan dan keselamatan negara.

Jawapan kepada (b) Tuduhan bahawa mereka di-tahan kerana menyokong chalun² bebas dalam Pilihanraya Umum tempoh hari ada-lah tidak benar. Ada-lah di-tegaskan bahawa mereka itu di-tahan semata² kerana kegiatan mereka yang mengancam perpaduan dan keselamatan negara.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, supplementary question. Will the Minister of Home Affairs inform the House whether these two detainees will be released soon in view of the fact that they were arrested at the time of the election in Sabah?

Tuan Mohamed bin Yaacob: (*Dengan izin*) Their cases will be reviewed from time to time.

SUROHANJAYA PERANCHANG PERBANDARAN KEBANGSAAN

26. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada tujuan Kerajaan hendak menubuhkan Surohanjaya Peranchang Perbandaran Kebangsaan dan Lembaga Perumahan Kebangsaan ia-lah untuk menyelesaikan masalah perumahan di-negeri ini.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sa-barang pengumuman yang di-buat oleh Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan ia-itu Kementerian yang bertanggung-jawab tentang Peranchangan Bandar di-ketahui untuk menubuhkan Surohanjaya Peranchangan Bandar dan Bandar Raya Negara. Sa-takat yang saya ketahui Jabatan² Peranchangan Bandar dan Kampong negeri dalam usaha-nya untuk menyediakan pelan² bandar untuk sa-suatu kawasan lazim-nya menitik-beratkan terhadap keperluan² infrastruktur yang mana termasuk-lah juga mengadakan Ranchangan Perumahan. Akan tetapi Kementerian ini telah berchadang hendak menubuhkan Majlis Perundingan Negara bagi Perumahan.

Majlis Perundingan Negara bagi Perumahan ini akan dapat menyelaraskan dan memerhatikan kegiatan² perumahan di-Malaysia, tambahan lagi Majlis ini akan juga mengkaji akan masaalah² perumahan dari sa-masa ka-samasa dan mengkaji samula kegiatan² semua pertubohan² yang mengendalikan perumahan.

Kegiatan² dan tugas² Majlis Perundingan Negara bagi Perumahan sa-telah di-tubuhkan dan berjalan dengan sa-penoh-nya kelak, tidak ragu² lagi akan di-tumpukan untuk memperbaiki lagi masaalah² perumahan dalam negeri ini.

SHARAT² MELAWAT NEGERI CHINA—KELONGGARAN

27. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan melonggarkan syarat² untuk melawat negeri China pada masa yang akan datang.

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan menimbang melonggarkan syarat² untuk melawat ka-negeri China dari masa ka-masa berasaskan kepada perhubungan negeri itu dengan Malaysia. Pada masa sekarang Kerajaan telah memberi pertimbangan kepada ra'ayat² Malaysia yang ingin pergi ka-negeri China untuk maksud perubatan dan untuk melawat saudara-mara jika mereka memenohi syarat² yang tertentu sahaja. Tetapi memandangkan kepada perhubungan perdagangan yang makin terjalin di-antara Malaysia dengan negeri China baharu² ini, maka Kerajaan akan menimbang permohonan² melawat negeri China untuk maksud perniagaan jika sa-kira-nya lawatan itu akan memberi faedah perdagangan kepada negeri ini. Tiap² permohonan itu akan di-pertimbangkan mengikut keadaan masing² ia-itu on the merits of each case.

PESTA BOLASEPAK ULANG TAHUN MERDEKA 1972

28. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan akan menjemput pasukan bolasepak China Kominis untuk mengambil bahagian di-dalam Pesta Bolasepak Ulang Tahun Merdeka tahun 1972.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Hamzah bin Dato Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya ia-lah tidak.

PEMBEDAH JANTONG DI-HOSPITAL LATEHAN

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kemudahan² terdapat untuk pembedahan jantung di-Hospital Latehan atau tidak. Jika tidak dan untuk menjadikan Rumah Sakit Universiti sa-buah pusat pembedahan jantung yang paling lengkap sa-kali di-negeri ini, sama ada ranchangan² sedang di-buat untuk menambahkan bilangan kakitangan dan memperbaiki kemudahan² yang terdapat di-rumah sakit ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato Onn): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan² yang terdapat di-Universiti Hospital ada-lah mencukupi untuk pembedahan jantung. Bagi penerangan, Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris memberi keterangan sedikit.

(Dengan izin) Sir, to establish cardiac surgery, it is necessary to have a team of physicians, surgeons, anaesthesiologists—all these medical terms I find very difficult to pronounce—radiologists, pathologists and other auxilliary medical staff such as nurses and laboratory technicians. The necessary expertise to develop cardiac surgery was gradually developed.

In January, 1971, a Medical Surgical Unit was formally established. This Unit consists of consultants and experts from the Disciplines of Medicine, Paediatrics, Surgery, Anaesthesiology, Radiology and Pathology. Of these consultants, only one surgeon, one physician and one anaesthetist are largely concerned with the development of open-heart surgery. The main object of this Unit is to provide for the investigation and treatment of patients whose cardiac disease may require surgical treatment. The 1971 establishment provides for the following senior staff who are concerned not only with the development of cardiac surgery but also other specialities:

	Establishment	Number filled
Medicine ...	5	3
Paediatrics ...	2	1
Surgery ...	3	2
Anaesthesiology ...	2	2
Radiology ...	1	Not filled yet
Pathology ...	2	2

Several offers of appointments have been made and it is likely that the unfilled posts will be filled by the end of the year. The 1972 staff establishment is identical to that of in 1971. The Medical Centre Development Committee has authorised the development of two more wards each of twenty-eight beds from unspent funds in the Capital Development Estimates of the Medical Centre. A request for release of this fund has been made.

Dr Chen Man Hin: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Minister aware that quite a number of heart cases have to go overseas for surgical treatment and would he, therefore, ask that this Unit be made ready as soon as possible so as to save the expense of sending these poor people out of the country?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Mr Speaker, Sir, I will do so.

KEGIATAN GURU² DALAM PARTI POLITIK

30. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sa-bilangan guru² sekolah di-Malaysia sekarang ini mengambil bahagian yang chergas di-dalam sa-tengah² parti politik, wal hal kegiatan² saperti itu ada-lah melanggar peratoran² Kerajaan. Jika ya, nyatakan:

- (a) mengapa-kah Kerajaan membiarkan kegiatan guru² sekolah ini;
- (b) sama ada apa² laporan telah di-buat kepada Kerajaan oleh orang ramai atau Ketua² Pegawai Pelajaran Negeri; dan
- (c) berapa ramai-kah guru² sekolah yang Kerajaan telah ambil tindakan terhadap mereka kerana mengambil bahagian yang chergas di-dalam parti² politik.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar bahawa ada sa-bilangan guru² sekolah di-Malaysia sekarang ini mengambil bahagian chergas dalam sa-tengah² parti politik. Tetapi sama ada ini melanggar peratoran Kerajaan atau tidak bergantung kepada sama ada guru² itu guru² Kerajaan atau pun bukan Kerajaan. Guru² Kerajaan di-tegah mengambil bahagian chergas dalam politik di-bawah Perintah

Am, tetapi guru² bukan Kerajaan tidak ada peratoran² yang menegah mereka membuat demikian pada masa ini.

(a) Berkenaan dengan soalan ini Kerajaan tidak membiarkan tetapi sedang mempertimbangkan langkah² sesuai untuk mengawasi perkara ini.

(b) Ada.

(c) Belum ada langkah apa² di-sebabkan macham mana di-terangkan oleh saya dahulu Kerajaan maseh menimbangkan lagi berkenaan dengan guru² yang ambil bahagian dalam politik.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Ada-kah di-antara guru² yang mengambil bahagian chergas dalam politik itu telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pelajaran?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kebanyakan yang mengambil bahagian chergas ada mendapat kebenaran dari Kementerian.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Di-atas dasar apa-kah kebenaran berpolitik itu di-berikan kepada sa-saorang guru sekolah.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dia berdasarkan pada memandangkan di-kawasan² di-luar bandar yang orang² di-sana berkehendakkan panduan daripada orang² sumpama ini yang kebanyakan sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui ia-itu kebanyakan orang² kita yang di-luar bandar yang ada sedikit pengetahuan dan menjadi pemandu² atau ketua² di-sana ia-lah daripada guru² kita. Sa-bagaimana yang saya terangkan, masaalah category² guru yang akan di-benarkan memasuki sa-tengah² di-selideki oleh Kerajaan dan saya akan membuat pengumuman ta' berapa lama lagi.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa sa-tengah² masharakat terutama sa-kali masharakat di-luar bandar amat gelisah sa-kali menengok kepada keadaan guru² mengambil bahagian chergas dalam politik?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Saya ta' sedar.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Apa-kah dan boleh-kah

Yang Berhormat Menteri memberi ta'arif atau pun tafsiran bergerak chergas dalam politik?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ta'arif-nya ia-lah kalau sa-saorang itu menjadi ahli committee di-dalam sa-suatu parti politik. Itu yang di-katakan chergas.

Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri ini sedar bahawa sa-bahagian besar daripada guru² yang mendapat kebenaran berpolitik itu tidak dapat menunaikan kewajiban-nya sa-bagai guru dengan sa-wajarnya. Ada-kah benar bahawa sa-bahagian besar daripada guru² yang mendapat kebenaran berpolitik ini ia-lah kebenaran untuk berpolitik dalam satu² parti politik tertentu sahaja ia-itu parti pemerintah, parti Kerajaan?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Ulangkan balek soalan itu.

Dato Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Ada-kah benar mengikut setahu orang ramai bahawa sa-bahagian besar daripada guru² yang telah mendapat kebenaran berpolitik ini ia-lah kebenaran untuk berpolitik di-dalam Parti Perikatan sahaja?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Boleh. Harus kebanyakan Parti Perikatan, rasa saya ada juga lagi daripada parti yang lain.

TEMPAT SEMBAHYANG BAGI PENUNTUT² ISLAM

31. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan memandang bahawa hampir² 100% penuntut² beragama Islam yang belajar di-sekolah² menengah bantuan penoh telah mencapai peringkat umur baligh, sama ada Kerajaan berchadang hendak mengambil langkah yang segera bagi menyediakan tempat sembahyang seperti madrasah atau masjid yang kecil di-kawasan tiap² sekolah terutama sa-kali apabila sa-bilangan besar penuntut² ini terpaksa belajar pada sa-belah petang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, kemudahan seperti ini terdapat di-sekolah² yang berasrama dan bagi sekolah² lain. Guru² Besar di-nasehatkan supaya mengadakan kemudahan itu di-mana yang boleh. Kerajaan tidak berchadang hendak

membenakan madrasah atau masjid yang kecil di-kawasan tiap² sekolah menengah bantuan penoh, kerana ini akan memakan belanja yang besar. Walau pun demikian Kementerian Pelajaran akan terus menggalakkan guru² besar mengadakan tempat² sembahyang di-mana perlu dan boleh.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Dato' Yang di-Pertua, sebenarnya kalau sa-kira-nya tidak ada tempat² sembahyang di-sekolah² pada hari ini, maka sudah tentu murid² Islam tidak mahu bersembahyang. Sebab sudah menjadi kebiasaan bahawa orang² dewasa pun selalu juga meninggalkan sembahyang jika tidak ada tempat² kemudahan sembahyang. Walaupun kita selalu sembahyang jika ada tempat² kemudahan sembahyang. Jadi, tidak-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa penuntut sekolah juga bertabiat seperti orang² dewasa?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak ada kena mengena dengan soalan yang asal-nya.

Tuan Mohd. Fakhruddin bin Haji Abdullah: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soal tambahan yang mula tadi belum di-jawab lagi. Barangkali soalan yang mula tadi banyak sangat perkataan²-nya.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Saya ulang. Sudah menjadi kebiasaan bahawa orang² dewasa macam kita ini pun selalu meninggalkan sembahyang tempat² yang tidak ada kemudahan sembahyang. Jadi inikan pula penuntut². Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar tabi'at itu, tabi'at penuntut² tidak suka sembahyang tempat yang tidak ada kemudahan sembahyang itu seperti orang² dewasa juga?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masalah sembahyang ini dimana² pun kita boleh sembahyang, tidak payah menanti.

Bagi Ahli Yang Berhormat mengetahui ia-itu kebanyakan di-sekolah² ini maseh kekurangan bilek² darjah lagi dan bagi Kementerian saya hendak mengutamakan jikalau ada peruntukan yang lebih saya dapat, mengutamakan, mengadakan darjah² dan bangunan² bagi kegunaan kanak² kita belajar. Walau bagaimana pun saya tidak

menafikan mustahak-nya mengadakan tempat jikalau Kementerian saya boleh dan itu-lah sebab di-arahkan kepada Guru² Besar supaya berikhtiar sa-berapa yang boleh, memberi kemudahan kepada anak² kita yang bersekolah.

Tuan Mohammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian Pelajaran sanggup membenarkan, kalau ada per-tubohan² yang ingin mendirikan madrasah atau surau di-kawasan sekolah untuk kemudahan pelajar² dan guru² beribadat?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang tidak bersangkut-paut dengan soalan yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 32 hingga 46 ada-lah di-beri di-bawah ini).

BANGUNAN TAMBAHAN KAPADA BANGUNAN² SEKOLAH

32. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan, apabila Kerajaan membenakan bangunan tambahan kepada bangunan² sekolah, mengapa-kah segi pandangan di-utamakan daripada segi ekonomi.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Ada-lah tidak benar bahawa pembenaan bangunan tambahan kepada bangunan² sekolah lebih mengutamakan segi pandangan dari segi ekonomi. Sebenarnya segi ekonomi-lah yang di-utamakan.

PEMASANGAN LAMPU² ISHARAT UNTUK NELAYAN² TEMPATAN

33. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada beliau sedar akan sikap tidak peduli tentang penjelasan yang di-minta oleh Wakil Ra'ayat Sitiawan berkenaan dengan pembekalan lampu² isharat di-Batu Mandi dan di-Scorpion Point, Pangkor, dan jika ya, nyatakan langkah² yang akan di-ambil untuk memasang segera lampu² isharat demi keselamatan nelayan² tempatan.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Dalam perkara ini, seperti jua dalam perkara² lain,

soalan², pertanyaan² dan kemushkilan² yang di-kemukakan oleh orang ramai sentiasa di-layani dengan kadar segera.

Tetapi sangat-lah malang-nya apabila dua buah lampu isyarat yang telah di-beli untuk di-pasang di-Batu Mandi dan Scorpion Point, Pangkor mendapat kerosakan teknik. Kedua² buah lampu telah di-kembalikan kepada firma tempatan-nya untuk di-perbaiki. Tetapi sa-lepas beberapa lama bahu firma itu menyatakan tiada kemungkinan lampu² itu di-baiki di-sini dan mesti-lah di-hantar balek kepada pembuat-nya di-luar negeri. Sementara itu usaha terus di-jalankan untuk mendapatkan ganti lampu² itu. Firma yang berkenaan pula menyatakan lampu² jenis itu tiada lagi di-perbuat.

Bahagian Perikanan telah mendapatkan sa-jenis lampu isyarat lain yang sesuai untuk Batu Mandi dan Scorpion Point. Kebenaran memasang lampu² isyarat ini telah di-perolehi dari Pengerusi, Lembaga Chukai Api, Malaysia Barat.

RANCHANGAN MARA—UBI KAYU

34. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada beliau sedar akan kebimbangan yang terdapat di-kalangan penduduk² Mukim Lekir, Dindings, Perak mengenai ranchangan M.A.R.A. untuk menanam ubi kayu dan membena sa-buah kilang ubi kayu di-Lekir, dan jika ya, nyatakan sama ada beliau boleh memberikan satu penjelasan kepada penduduk² di-kawasan ini mengenai faedah² ranchangan itu.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Penduduk² Mukim Lekir, Dindings, Perak tidak-lah harus ada kebimbangan mengenai ranchangan M.A.R.A. untuk menanam ubi kayu dan membena sa-buah kilang ubi kayu di-Lekir. Tujuan M.A.R.A. tidak-lah hendak memonopoli (monopolise) pasaran tetapi ia-lah akan membeli juga ubi kayu daripada pekebun² kecil yang berhampiran dengan harga yang berpatutan. Pada masa ini pekebun² kecil ada-lah tinggal di-dalam chengkaman orang-tengah.

MASA'ALAH TANAH—LANGKAH²

35. Tuan Richard Ho Ung Hun minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada beliau sedar tentang kalangan penduduk² berkehendakkan tanah terutama sekali

penduduk² di-Sitiawan dan jika ya, apa-kah langkah² yang akan di-ambil untuk memenuhi kehendak² penduduk² ini.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ada pun soal penduduk² berkehendakkan tanah bukan sahaja terdapat di-Sitiawan tetapi juga seluruh negeri Perak. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan tanah Kerajaan yang sesuai untuk kegunaan pertanian. Walau bagaimana pun di-kawasan Sitiawan tindakan sedang di-ambil bagi mengeluarkan (alienate) lebih kurang 3,000 ekar Tanah Kerajaan untuk tanaman getah di-bawah Ranchangan Pengeluaran Tanah Terkawal yang memberi faedah kepada lebih kurang 550 keluarga.

PARTI² PEMBANGKANG—MAJLIS BELIA NEGARA

36. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa sa-tengah² parti² pembangkang tiada di-wakili dalam Majlis Belia Negara yang baharu di-tubuhkan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato Hamzah bin Dato' Abu Samah): Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum bahawa masalah belia yang di-hadapi oleh Kerajaan sekarang ada-lah satu masalah besar yang berkehendakkan perancangan² yang berkesan dan berfaedah bagi mengatasi-nya. Dalam menjalankan tugas ini Kerajaan juga menyedari tentang peranan pertubuhan² belia yang sekarang ini menyuarakan hasrat² belia dalam berbagai bentuk untuk mendapat perhatian Kerajaan bagi menyelesaikan masalah mereka. Memandang kepada hakikat ini-lah, maka Majlis Perundingan Belia Negara telah di-tubuhkan supaya masalah² yang sama² di-hadapi oleh Kerajaan dan belia itu dapat di-kaji dan di-selesaikan. Oleh hal yang demikian wakil² dari parti pembangkang telah tidak di-wakili-kan di-dalam Majlis tersebut.

PENGANGGORAN—LANGKAH²

37. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah langkah² segera dan positif Kerajaan akan ambil:

- (a) untuk mengadakan pekerjaan² bagi belia² terpelajar;
- (b) untuk melateh guru² yang telah di-buang kerja di-Sarawak bagi meringankan masalah penganggoran dalam negeri ini.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):

(a) Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Kerajaan ada-lah sedar mengenai keperluan mengadakan lebih banyak lagi peluang² pekerjaan bagi belia² di-negeri ini. Dasar Kerajaan mengenai perkara ini dan langkah² yang akan di-ambil bagi memperbaiki keadaan penganggoran ada-lah di-jelaskan dengan mendalam, di-dalam Rancangan Malaysia Kedua yang di-bentangkan dalam Dewan ini sekarang.

(b) Mengenai bahagian kedua soalan itu, kedudukan-nya ia-lah bahawa sa-hingga ini sa-ramai 280 guru² tidak terlatah yang berkhidmat di-beberapa buah sekolah di-Sarawak telah di-gantikan oleh guru² terlatah.

Walau bagaimana pun, guru² yang di-gantikan ini telah di-berikan peluang latahan di-Kolej Latahan Guru ia-itu Kolej Latahan Guru Batu Lintang di-Kuching dan Kolej Latahan Guru Rejang di-Sarikei. Dari 280 orang guru² yang tidak terlatah ini, 241 orang telah di-pileh dan di-tawarkan latahan di-Kolej² itu. Yang lain² lagi itu, yang kechil bilangan-nya telah mendapat pekerjaan lain atau pergi ka-seberang laut melanjutkan pelajaran.

(Dengan izin)

(a) As the Hon'ble Member is aware, the Government is fully conscious of the need to create more employment opportunities for the youths of the country. Government's policy on this subject and the measures that will be taken to ease the unemployment situation are amply explained in the Second Malaysia Plan now before the House.

(b) With regard to the second part of the question, the position is that up to date 280 untrained teachers serving in various schools in Sarawak have been replaced by trained teachers.

However, these replaced teachers were given training opportunities in teachers' training colleges, i.e., Batu Lintang Teachers Training College in Kuching and the Rejang Teachers Training College in Sarikei. Of these 280 untrained teachers 241 have been selected and offered training in these colleges. The remaining number which is negli-

gible have either found alternative employment or have gone overseas for further studies.

**PENUBOHAN SATU JABATAN—
BUMIPUTRA**

38. Tuan Edmund Langgu Anak Saga minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menubuhkan satu jabatan bagi bumiputra² Sarawak di-bawah Kementerian Hal Ehwal Sarawak bagi tugas² berkaitan dengan bumiputra dan tidak di-bawah jabatan² Kerajaan yang ada sekarang.

Perdana Menteri: Saya tidak fikir perlu di-tubuhkan satu jabatan khas untuk menyelenggarakan hal ehwal bumiputra² Sarawak. Ada-lah tujuan kita untuk menyatu padukan ra'ayat dan penubohan jabatan saperti itu ada-lah bertentangan dengan hasrat kita itu. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum, di-bawah Perlembagaan sudah pun ada kuasa² untuk memberi keistimewaan kapada ra'ayat bumiputra yang Kerajaan sedar telah tertinggal di-belakang di-dalam beberapa lapangan, khas-nya dalam lapangan ekonomi dan pelajaran. Di-samping itu beberapa badan telah pun di-tubuhkan dengan tujuan untuk membantu ra'ayat bumiputra dalam memperbaiki taraf hidup mereka dan memperluaskan pengambilan bahagaian dalam bidang ekonomi moden. Badan² itu dalam menjalankan usaha² mereka akan memberi perhatian kapada semua bumiputra termasuk-lah bumiputra di-Sarawak.

FIRMA² PERDAGANGAN—LATEHAN

39. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan sama ada Kerajaan akan mendesak firma² perdagangan yang besar² di-Sarawak untuk memberi lebih banyak latahan kapada pegawai² tempatan dan lebih banyak penyertaan² orang² tempatan di-dalam perusahaan dan perdagangan di-Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Ada-lah dasar Kerajaan bagi menggalakkan supaya firma² perdagangan memberi kemudahan melatah lebih banyak lagi pegawai² tempatan dan jua menggalakkan supaya lebih banyak lagi penyertaan ra'ayat Malaysia dari semua keturunan bangsa dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

(*Dengan izin*) It is the policy of the Government to encourage commercial firms in Malaysia to provide more training of their local personnel and also to encourage greater participation in commerce and industry by Malaysians of all races.

L.K.T.P.—KEMAJUAN PERTANIAN

40. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan menjalankan satu kajian mengenai kawasan² tanah untuk kemajuan pertanian di-Sarawak.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Kerajaan Sarawak mempunyai agensi-nya sendiri, iaitu Perbadanan Kemajuan Kawangan Sarawak, untuk menjalankan tugas² pembangunan tanah yang mempunyai unsur² yang sama seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Oleh itu, L.K.T.P. tidak perlu mengambil bahagian.

(*Dengan izin*) The Sarawak Government has its own Agency, the Sarawak Development Finance Corporation, to carry out land development along the lines of the Federal Land Development Authority. It is, therefore, not necessary to involve the FLDA.

RANCHANGAN LETRIK—HAIDERO-PERUSAHAAN

41. Tuan Luhut Wan bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan adakah Kerajaan akan menimbangkan menyiasat kemungkinan membina ranchangan letrik haidero di-Baram atau Kapit supaya dapat kuasa murah untuk menggalakkan pembangunan perusahaan di-Sarawak.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Satu siasatan awal keatas kemungkinan² mendapatkan tenaga letrik-haidero di-Sarawak telah dijalankan pada tahun 1962 oleh sa-orang pakar dari Snowy Mountains Hydro-electric Authority Australia. Menurut laporan tersebut banyak kawasan² di-Sarawak yang mempunyai kemungkinan bagi tujuan tersebut. Akan tetapi perlaksanaan ranchangan² letrik-haidero ada-lah bergantung kepada berbagai faktor, seperti harga sesuatu projek itu dan juga permintaan bagi kuasa letrik-haidero.

Berasaskan hakikat ini, Kerajaan Negeri Sarawak mungkin menimbangkan bagi membuat satu kajian kemungkinan dari segi kejuruteraan dan ekonomi terhadap usaha memajukan kuasa letrik-haidero di-negeri tersebut.

(*Dengan izin*) A preliminary survey of hydro-electricity potentials in Sarawak had been carried out in 1962 by an expert from The Snowy Mountains Hydro-electric Authority, Australia. According to the Report, there are many potential areas in the State. However, implementation of hydro-electricity schemes depends on many factors, such as the cost of each project and the demand for hydro-electric power.

Based on this the State Government of Sarawak may consider carrying out a full scale engineering and economic feasibility study of developing hydro-electric power in the State.

KAWASAN² UNTUK TANAMAN NENAS, UBI KAYU DAN KOPI

42. Tuan Edwin anak Tangkun minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan satu kajian mengenai kemungkinan memesatkan lagi tanaman nenas, ubi kayu dan kopi di-kawasan² yang sesuai di-Sarawak.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Soal menanam ubi kayu dan nenas dengan keluasan² sedang di-kaji dengan giat-nya oleh Kerajaan Negeri dan Capital Investment Committee on "Agro-based Industries." Adalah di-harapkan kawasan² yang sesuai dapat di-pastikan segera tetapi selain dari faktor² utama seperti tanah, rupa-bumi (topography) soal² seperti pembekalan ayer, perhubungan dan pekerja² terpaksa di-pereksa dengan chermat-nya. Kopi di-tanah² rendah ada-lah mempunyai kualiti yang rendah mutu-nya dan di-fikirkan ada-lah lebih baik menghadkan tanaman itu kepada pekebun² kecil untuk kegunaan sendiri dan pasaran tempatan sahaja.

JAWATAN MENTERI HAL EHWAL SABAH

43. Dato' James Wong minta Perdana Menteri menyatakan mengapa-kah tidak ada Menteri Kerajaan Persekutuan untuk Hal Ehwah Sabah.

Perdana Menteri: Saya berpendapat tidak perlu di-adakan satu jawatan Menteri Hal Ehwal Sabah pada masa ini.

Memandang bahawa Sarawak mempunyai kawasan yang luas dan perhubungan didalam negeri tidak memuaskan maka perlu-lah di-lantek sa-orang Menteri yang di-tugaskan mengawasi hal ehwal Persekutuan di-Sarawak. Tambahan pula ancaman dari pengganas² Komunis di-Sarawak memerlukan sa-orang pemimpin bagi mewakili Kerajaan Pusat yang boleh mendapatkan kerjasama kaum² yang tinggal di-kawasan pendalaman di-negeri itu.

BANTUAN WANG UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK² KECIL

44. Tuan Bojeng bin Andot minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan ada-kah pihak Kementerian berchadang hendak menambahkan lagi bantuan wang kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek² kecil di-kawasan² luar bandar.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar memang berchadang hendak menambahkan lagi bantuan wang kepada Kerajaan Negeri untuk menjalankan projek² kecil. Ini bergantung-lah kepada peruntukan wang yang akan di-luluskan dari sa-tahun ka-satahun dan keutamaan yang di-beri kepada projek² kecil di-kawasan² luar bandar.

(*Dengan izin*) The Ministry of National and Rural Development intends to increase the financial aid to State Governments for the implementation of minor projects. This will depend on the financial allocations approved from year to year and the priority of minor projects in the rural areas.

BILANGAN PENUNTUT² BUMIPUTRA—BIASISWA KERAJAAN

45. Tuan Bojeng bin Andot minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah pihak Kementerian berchadang hendak menambahkan lagi bilangan penuntut² bumiputra dari Sarawak yang masuk ka-sekolah² menengah di-Malaysia Barat dengan biasiswa Kerajaan.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Sebarang permohonan sedemikian senantiasa akan di-pertimbangkan.

PEKERJA² DI-HANTAR KA-SABAH—LATAR BELAKANG/KELAKUAN

46. Tuan Chik Johari Ondu Majakil minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada pekerja²/buroh yang di-pilih oleh Lembaga Kumpulan Wang Buroh Pindahan Malaysia Barat, telah di-siasat latar belakang dan kelakuan mereka terlebih dahulu sa-belum di-hantar ka-Sabah.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Semua pekerja² yang di-ambil untuk bekerja di-Sabah dibawah Rancangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia bersama² tanggungan² mereka yang berumur 18 tahun ka-atas ada-lah di-siasat. Hanya mereka yang bebas dari sebarang rekod² jenayah di-benar meneruskan perjalanan mereka ka-Sabah. Chara ini ia-lah perlu untuk mengetahui sama ada kehadiran mereka di-Sabah tidak akan merupakan sebarang ancaman keselamatan kepada Negeri itu.

(*Dengan izin*) All workers recruited for employment in Sabah under the Malaysian Migration Fund Board Scheme together with their dependants of 18 years of age and above are screened. Only those who are free from any criminal record are allowed to proceed to Sabah. Such a procedure is necessary to ensure that their presence in Sabah is not likely to lead to activities prejudicial to the security of the State.

RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA 1971-1975

(Usul)

Menyambong sa-mula Perbahathan atas Masaalah:

Bahawa Dewan ini dengan sepenoh²-nya menyokong Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan yang bertujuan pertama-nya, membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum, dan kedua-nya menyusun semula masyarakat Malaysia bagi mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara kaum, meluluskan Rancangan Malaysia Kedua yang di-bentok khusus-nya bagi mencapai tujuan² ini melalui perlaksanaan dasar² dan rancangan² pembangunan seperti yang di-sebutkan di-dalam Kertas Perintah No. 28 tahun 1971, dan menyeru kepada semua ra'ayat Malaysia supaya memberi segala usaha dan keazaman mereka dengan semangat Rukunegara kepada pembentokan satu masyarakat yang adil lagi saksama serta bersatu padu dan progresif. (13hb Julai, 1971).

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menyambong ucapan saya yang saya tinggalkan semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh di-sambong sa-panjang 20 minit lebeh kurang.

Tuan Tajudin bin Ali: Insha' Allah.

Sambil kita memikir dan membahathkan ucapan Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah penting dan perlu bagi kita melihat kejayaan kita dan memikir saperti mana yang tidak betul kita boleh betulkan ia-itu pros and cons bagi Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Ranchangan Malaysia pada kita sangat-lah berjaya-nya dan baharu² ini saya pergi menghadziri Sukan Tahunan di-sekolah saya lama, King Edward di-Taiping dan saya tengok di-sana sampai murid² di-sekolah yang dahulu-nya datang dengan basikal ka-sekolah, hari ini mereka datang dengan scooter, dengan motor car dan lebeh banyak nombor motor² ini di-punya'i oleh murid² daripada guru². Jadi berma'ana sampai murid² pun mendapat nekmata yang besar daripada Ranchangan Malaysia kita yang pertama, bertambah lagi pada orang dewasa dan ra'ayat jelata bagi tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada-lah penting dan perlu juga bagi kita sakalian memainkan peranan sa-bagai satu team menjayakan Ranchangan Malaysia kita Yang Kedua ini. Saperti national team kita main bola pada petang semalam di-mana semua pemain menghadapi satu matlamat ia-itu mendapat kejayaan, tetapi saya ragu² di-sini, Tuan Yang di-Pertua, barangkali ada orang² kita terutama sa-kali bagi pehak Pembangkang chuma memasokkan gol ka-gol sendiri. Kapada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya shorkan mana² pehak Pembangkang terutama sa-kali D.A.P. atau pun mana Ahli daripada Parti Pembangkang chuba menjahanamkan Ranchangan ini kita akan brandkan mereka ini ia-lah anti-national dan tidak ragu² lagi saya berseru kapada Yang Berhormat Menteri Pertahanan terek mereka, heret mereka ini dan tahankan untuk keselamatan untuk sementara waktu sa-kurang²-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah semalam kita daripada mula lagi sudah nampak ia-itu beliau membangkit²kan beberapa banyak murid² Melayu masok ka-MIT, berapa banyak peserta² Melayu masok Ranchangan Tanah. Beliau ada mata dan pakai kacha mata pula tidak nampak berapa puluh ribu orang² bangsa asing mendudoki rumah² perniagaan, bank² dan kilang² yang baharu. Jadi orang bagini-lah saya berfikir, Tuan Yang di-Pertua, akan tendang bola masok ka-gol sendiri dan kalau dia tidak berfikir dua kali orang macham ini-lah kita simpan untuk keselamatan dan akan memberi faedah Ranchangan Malaysia kita ini berjalan dengan lichen, terator dan baik.

Saya dengar², Tuan Yang di-Pertua, pehak PAS pun berchakap dalam Dewan ini menyokong tetapi di-luar bagi Kerajaan hendak mengambil tanah umpama-nya buat ranchangan besar²an di-sana, mereka enggan, tidak berapa beri sokongan yang penoh. Kapada pehak PAS saya hendak nyatakan Ranchangan ini kalau kita tidak bersunggoh² kominis akan timbul dalam negara kita ini dan kalau PAS bersetuju hendak adakan kominis dalam negara ini, saya berseru kapada Kerajaan jangan ragu² lagi hanchorkan Kerajaan Kelantan itu kerana kebaikan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini, kalau tidak negara kita ini akan tengelam, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sambut baik chakapan, seruan yang telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan demokrasi bagi tanah ayer kita ini ia-lah demokrasi ala-Malaysia. Kita pada tahun² dahulu menyatakan dalam Parlimen yang bertuah ini, apa yang di-buat di-Great Britain, apa yang di-buat oleh Amerika dalam Parlimen mereka itu ia-lah soalan yang kedua, hidup mati-nya negara kita ini kita mesti jaga untuk kepentingan kita sendiri. Sekarang di-Amerika pun chakap sahaja demokrasi, mengebom negeri orang, itu demokrasi. Demokrasi di-Washington lain, di-New York lain, itu chara yang patut kita jalankan. Di-England sekarang pun dia sudah mula menukar chorak dalam demokrasi bagi mentadbirkan negara kita, bagitu-lah hendak-nya tanah ayer kita ini, Tuan Yang di-Pertua.

Pada pemikiran saya pilehan raya lima tahun itu sangat sengkat untuk kita hendak tunjokkan pada ra'ayat jelata ada-lah Ranchangan

Lima Tahun Yang Kedua ini memberi hasil yang berpatutan kepada mereka itu. Oleh sebab yang demikian itu saya shorkan kepada Kerajaan memikirkan ada-lah baik, penting dan perlu pada kita umpama-nya baharu sahaja di-jalankan pilehanraya di-Indonesia, ia-itu memikirkan tentang Rukunegara dalam tanah ayer kita ini, Tuan Yang di-Pertua. Umpama-nya satu kawasan macham kawasan Kota Bharu Hulu, di-mana pengundi²-nya 80% daripada orang Melayu, ini saya rasa kita tidak dapat menjalankan demokrasi yang mengikut Rukunegara, di-mana satu bangsa itu Melayu di-situ terlampau banyak. Jadi saya shorkan di-sini kawasan yang saperti itu jangan adakan pilehanraya bahkan kerusi itu di-bagi kepada parti yang terbesar, kawasan China pun bagitu juga lebeh daripada 80% pengudi²-nya terdiri daripada satu bangsa, ia-itu China, atau pun India maka kerusi itu mesti di-bagi kepada parti yang terbesar, atau pun parti yang mentadbirkan negara itu. Ini baharu mengikut Rukunegara, kalau tidak, tidak sa-imbang, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita tidak dapat tolong orang yang miskin—di-tolong, orang yang kaya kita bantukan lagi. Ini tidak mengikut Rukunegara. Dan lebeh² lagi tentu sa-kali ranchangan kita ini kita tidak dapat memberi hasil yang penoh dalam masa 5 tahun, bahkan dengan ada-nya chara² pentadbiran dan atoran yang baharu mengikut pilehanraya baharu-lah akan memberi faedah yang berpatutan sadikit masa lagi. Dan tidak asing, Tuan Yang di-Pertua, satu negeri yang berhampiran dengan kita ia-itu macham mana mereka datang chara adakan pilehanraya, 52 kerusi, 51 kerusi terus tidak dapat tentangan langsung, bahkan satu chalun telah menentang Perdana Menteri sahaja. Itu chara yang patut kita buat dan baik pada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadang² saya menong, fikir chara mendalam, demokrasi yang kita jalankan di-tanah ayer kita ini sangat²-lah laju, kadang² England patut tiru chara kita, ia-itu macham kita membuat Pilehanraya Majlis Tempatan. Kita telah adakan tegoran dahulu, ra'ayat belum siap sedia lagi mengadakan Pilehanraya Majlis Tempatan dan sa-bagai-nya. Kerajaan kata chuba tengok. Berapa masa, berapa melion ringgit kita sudah churah. Tidak lama lagi ada satu bil akan datangkan, kita mansokh-

kan semua-nya. Jadi ini pun mesti kita fikir sa-mula dan macham parti² yang lain pun. Umpama-nya ada negara yang mengatakan macham Russia, dia kata demokrasi semua²-nya chara lain pilehanraya, negeri China lain juga. Di-sini kita beri demokrasi terlampau luas. Kapada Gerakan kita beri. Ahli dari Dato Kramat ada di-sini kita beri pilehanraya pada dia. Kita beri pilehanraya pada mereka itu bertumbok sama sendiri. Berapa juta kita sudah beri, tetapi tidak lama hanchor-lebor, mereka bergadoh antara sama sendiri. Jadi saya fikir balek sa-mula chara kita menjalankan Parlimen ini ia-lah chara ala-Malaysia yang patut dan berfaedah kapada ra'ayat jelata, Raja dan tanah ayer kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perchakapan telah pun di-bawa dalam Parlimen ini mengatikan hal ehwal penganggoran. Saya rasa penganggoran, Tuan Yang di-Pertua, perkara sangat kechil sahaja. Mana² negara yang progressive, terutama sa-kali bagi negara kita Malaysia yang kaya raya, yang bertuah ini di-mana banyak bahan² mentah. Kita patut gunakan tenaga manusia yang lebeh banyak, tetapi di-sini kita kata penganggoran lebeh banyak. Pada saya sendiri saya fikir chukup bernasib baik. Sa-bagai orang berniaga yang kechil, kalau saya interview 100 orang saya dapat adakan satu orang pekerja yang betul² tulus ikhlas dan bertanggung-jawab. Yang salah pada kita, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak ada harnesskan kita punya kekuatan untuk mengindasterikan barang² mentah kita untuk faedah kita sendiri. Dan yang lebeh² lagi kita punya undang² buroh terlampau jauh, terlampau maju sampai indasteri² hendak datang ka-mari pun chabut lari. Jadi ada-lah penting dan perlu memikirkan banyak katakan penganggoran negara kita ini, undang² buroh itu pun mesti di-kaji sa-mula mengikut ala-Malaysia. Dan pehak buroh pun kita mesti jaga juga ia-itu kebanyakan pada orang kita ini memileh sangat kerja. Mereka tidak betul² memakai otak fikiran bahkan banyak pakai kepala. Dan dengan Ranchangan Malaysia Kedua ini saya telah titek-beratkan ucapan saya sa-malam, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu discipline sangat²-lah penting dan perlu untuk menjayakan ranchangan kita ini, terutama sa-kali saya kata pehak Pembangkang dan sadikit sa-banyak regimentation mesti-lah kita jalankan. Chuba kita fikir negara mana dalam dunia ini boleh menjadi satu negara yang kuat dan maju yang di-segani oleh mana² negara sa-kali pun dengan tidak ada

regimentation atau pun discipline yang kuat. Iktikad kita ini serah semua. Kita harap demokrasi. Kita harap ada-lah orang² itu lepas masok Kelas Dewasa, kita fikir mereka ini telah pun bertanggung-jawab, telah pun betul² kaseh sayang kapada tanah ayer dan kapada Raja kita. Tetapi bagi saya, saya fikir sa-balek-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kadang² orang kita ini berjalan terlampau chepat. Satu hari saya bernasib baik bertemu dengan mahasiswa² daripada universiti, kerana kerap kali mahasiswa² ini mengadakan perarakan dan bermacam² perkara menchabar Kerajaan di atas soalan² yang sangat² sensitive. Saya kata tuan² dan puan² ini ia-lah orang yang bijak, cherdek dan pandai. Saya nampak kalau tuan² dan puan² di-universiti chukup berani menentang Kerajaan, tetapi apabila mereka itu telah tamat pergi berkhidmat dengan orang ramai bersaorangan, mereka kechut, tidak berani buat apa². Kita tengok masa pertandingan pilehanraya jarang sa-kali ada biji mata lepasan daripada universiti bersaorangan mereka takut, tetapi bila beramai² mereka itu berani. Ini-lah semangat yang tidak bertanggung-jawab bagi tanah ayer kita ini. Dan masharakat kita tidak ingin perkara ini berjalan dengan berleluasan.

Tuan Yang di-Pertua, hal ehwal gerakan kominis dalam tanah ayer kita ini. Saya quote ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, "Communist threat in this country is very real". Saya takut kerana kita sudah pun berperang dengan pehak kominis ini hampir² 10 tahun dahulu, lebeh 10 tahun dan saya pun bersetuju dengan Ahli² Yang Berhormat yang lain ia-itu kominis sekarang menggunakan taktik yang baharu. Baharu² ini pasokan kita berjumpa kem kominis yang besar, betul² kem itu melihat Cantonment Polis kita di-Tanjong Rambutan. Saya tidak ragu² lagi mengatakan barangkali sambil kita berbahath dalam Rumah yang bertuah ini kem kominis ada di-mana² bukit melihat kita di-Parlimen ini. Barangkali ada ejen² dia pun dalam Parlimen ini, kita tidak tahu. Apa yang kita chakap ini semua sampai pada pehak kominis. Ini-lah manusia² yang akan merosakkan negara kita dalam Rancangan Malaysia Kedua ini.

Oleh yang demikian saya berseru kapada pehak Menteri Pertahanan jangan ragu² lagi mengambil tindakan yang tegas dan kuat sa-kali memandang "Communist threat in this country is very real". Saya tengok kadang²

kominis itu di-tangkap di-hantar ka-Pulau Jerejak, Batu Gajah, Muar dan sa-bagai-nya. Ini kita tidak setuju lagi. Jangan kita buat bagini lagi. Yang patut, Tuan Yang di-Pertua, kita tangkap orang ini, kita hantar ka-mana²: suroh mereka itu meneroka tanah, menjayakan tanah saperti Kerajaan England membuka Australia dahulu. Itu ada faedah. Ini hantar beri makan, beri minum, sakit beri injection, ubat dan sa-bagai-nya. Ini tidak-lah baik. Mereka itu tidak akan menjadi manusia yang berguna pada tanah ayer kita ini. Suroh mereka kerja, buat jalan, buat rumah dan sa-bagai-nya. Dan saya shor kapada Kerajaan membentok Jawatan-kuasa Perang Negeri dan Jajahan terus-menerus supaya kita dapat menentang chabaran dan berperang dengan kominis ini dengan bersungguh², dengan jalan ini kita dapat hapuskan mereka itu sa-chepat mungkin. Saya dapati, Tuan Yang di-Pertua, ada-lah hadiah² di-tawarkan kapada orang ramai untuk membunuh kominis ini sangat² kechil, kadang² \$200, \$300, \$1,000 dan sa-bagai-nya. Saya shorkan: bunoh kominis sa-orang beri terus \$2,000 jangan ada apa² bichara lagi. Sa-siapa yang beri information beri \$20,000, \$30,000, \$100,000. Apa kita takut, duit kita ada. Ini sadikit sangat, kechil, kadang² \$1,000, \$2,000 at the risk of your life. What do you think about that (*Tepok*).

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting saya suka menyuarakan dalam Parlimen yang bertuah ini ia-lah layanan kapada balu² kapada perajurit² kita yang gugor menentang pehak pengganas. Selalu kita dapati apabila sa-orang perajurit itu mati menentang pengganas, berperang dengan kominis di-bahagi-nya sa-ribu ringgit untuk mengkebumikan mayat itu dan dua belas bulan gaji untuk anak dan isteri dia. Kalau saya tidak betul, tolong betulkan, tetapi ini saya dapat tahu. Kalau chara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak galakkan Pasokan² Kawalan kita menggadaikan nyawa untuk berperang dengan pehak kominis. Apa yang saya shorkan di-sini ia-lah kita bagi jaminan yang lebeh baik kapada balu² orang yang gugor menentang kominis ia-itu apabila sa-orang gugor kita bagi rumah macham di-FLDA sana dan bagi rancangan tanah lapan ekar kapada balu dan anak²-nya. Ini-lah orang Melayu dan Pasokan Kawalan kita yang hendak. Dalam tempoh tiga hari, bila gugor sa-orang, wakil daripada pehak Military bawa

anak dan isteri-nya dalam sa-buah rumah dan kita bawa di-sana tunjukkan dalam radio dan T.V.

Kalau bagini kita buat, Tuan Yang di-Pertua, pehak Pasokan Kawalan pada pemikiran saya yang sengkat ini akan kejar kominis ini. Barangkali tidak ada bukit, tidak ada gunung mereka akan daki, menghapuskan pehak kominis ini dengan sa-chepat mungkin. Ini, dua belas bulan gaji, apa boleh buat. Pergi tengok wayang, pergi sana, pergi sini—habis. Jadi, ta' ada peransang. Jadi, kita tidak ada calculation in a business way.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong kuat ia-itu mengadakan collective farming dalam tanah ayer kita ini, memikirkan ada-lah pa' tani² kita itu ta' akan dapat menjalankan pertanian dengan besar²an. Ada sa-tengah itu suku ekar, sa-tengah ekar, sa-ekar dan sa-bagai-nya. Mereka tidak akan dapat maju. Saya sokong pendapat rakan² saya, ia-itu kita adakan collective farming. Ini bukan kita hendak ikutkan negeri kominis, tidak. Apa yang baik dalam dunia ini kita tiru untuk kebaikan ra'ayat jelata kita. Jadi, dengan ada-nya satu ranchangan besar²an; memang kita boleh ikut teknik, sains dan teknologi masa moden ini, kalau tidak pak² tani akan ketinggalan. Satu contoh yang baik sa-kali kita tengok—Ranchangan FLDA. Saya telah katakan tadi Ranchangan Malaysia Yang Pertama, dia ada pros dan cons ia-itu ada yang baik, ada yang tidak baik. Yang tidak baik kita sudah tengok sekarang. Ranchangan FLDA umpama-nya sekarang sudah ada, gigi sudah gigit lidah. Getah banyak hilang, menchuri dan sa-bagai-nya. Perkara ini kita tidak ingin ia-itu macham FLDA, saya telah membuat shor kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-itu kita ambil-aleh ranchangan semua ini. Kita bagi tiap² peneroka penchen \$100 pada sa-orang peneroka. Jadi, pentadbiran itu dijalankan oleh sa-buah Jawatan-kuasa. Dengan jalan ini rasa saya, hutang mereka itu dapat kita bayar dengan chepat lagi dan tiap² orang akan puas hati. The human problem is difficult especially in a small country, young country such as ours.

Tuan Yang di-Pertua, \$14,350 juta kita akan mengongkoskan untuk Perbelanjaan Malaysia Yang Kedua. Ini satu perbelanjaan yang sangat² besar. Saya fikir umpama-nya Kementerian macham Kerja Raya, Pos dan Talikom, kerana banyak, ranchangan ini

akan terpulang kepada Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom dan Yang Berhormat Menteri pun bersaorangan. Saya rasa susah sedikit beliau hendak jalankan. Di-sini saya shorkan Menteri itu adakan beberapa Timbalan Menteri lagi. Beberapa orang penolong lagi, macham sa-orang Ahli Yang Berhormat dari Kapar, beliau ia-lah sa-orang bekas Jurutera, ambil dia di-situ. Dan macham Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, dia tahu banyak fasal ikan, bagi dia Timbalan Menteri Ikan Laut dan Ikan Darat supaya dia boleh menolong Menteri Pertanian dan Tanah lebeh baik lagi, fasal dia selalu chakap fasal ikan. Kita bagi Menteri Muda Ikan Laut dan Ikan Darat supaya dia boleh tolong Kerajaan dan ra'ayat jelata dalam jurusan ini. Kalau tidak, kita tidak sampai ka-mana. Macham Ahli Yang Berhormat dari Kulim Utara, beliau boleh dibagikan Menteri Home Government. Kita semua boleh tolong untuk faedah ra'ayat jelata. Saya tidak, saya tidak ada niat terlintas menjadi Menteri (*Ketawa*), kerana saya ahli perusahaan. Urusan Kawasan saya banyak. Saya pun sudah tua, jadi bagi orang muda².

Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjayakan ranchangan yang besar²an ini barangkali kontrekter² sedang mengasah pisau, ini ada chan baik kerana duit banyak, kita berpakat-lah. Saya nampak sangat kontrekter dalam tanah ayer kita ini ada-lah sangat sedikit. Mereka boleh berpakat, Tuan Yang di-Pertua, menaikkan harga sa-suatu projek itu dan mereka bahagi keuntungan itu antara mereka itu. Oleh yang demikian saya shorkan, Tuan Yang di-Pertua, ranchangan yang besar²an kita bagi kepada PERNAS, MARA dan sa-bagai-nya, berganding bahu dengan kontrekter² yang ada dalam tanah ayer. Kalau tidak banyak foul play akan di-jalankan. Duit ra'ayat jelata, duit negara akan masuk dalam parit dan sa-bagai-nya dan ranchangan-nya kita tidak dapat dengan harga yang berpatutan daripada duit² yang kita keluarkan.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli² Yang Berhormat rakan² saya menyenot hal ehwal Pentadbiran Keretapi. Pada pendapat saya Pentadbiran Keretapi ini telah bertambah dengan baik, maju dengan pesat-nya, chuma saya mengeshorkan mereka adakan banyak lagi tempat perselisehan disteshen²; keretapi boleh jalan laju dan lancar lagi dan dengan jalan ini keretapi ini boleh bertanding dengan baik, sa-jajar dengan

perjalanan jalan raya dan dengan jalan ini sahaja, dengan ada kemudahan² yang lebih baik, terator dan lichin itu, saya berkeyakinan pentadbiran ini akan dapat kejayaan dan keuntungan tidak berapa lama lagi. Terima kaseh.

Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris juga.

Saya merasa sukachita hendak berchakap bagi menyokong usul yang di-bentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk kelulusan dan persetujuan mengenai Ranchangan Malaysia Kedua. Ada-lah wajar dan patut bahawa Dewan ini dan negara memberi penoh penghormatan kepada Perdana Menteri kita tentang kebaikan Ranchangan di-hadapan kita ini dan ulasan² yang sa-wajar-nya yang di-buat dalam mendapatkan persetujuan Dewan ini, memandangkan beliau, di-sepanjang tahun² Enam Pulohan, ada-lah akitek yang sa-benar-nya bagi pembangunan kita.

Sir, as the Honourable Prime Minister stated, we stand on the threshold of a new era, an era full of promise and challenge. The Second Malaysia Plan represents a bold yet realistic blueprint to guide the destiny of this nation through this crucial period of change. It represents to one and all in Malaysia broad opportunities, both for individual advancement, particularly for those who now are disadvantaged, and for the advancement of the nation as a whole in a cohesive and consistent way. If all of us fail to join hands in ensuring the success of the objectives of the Plan, in carrying into action the consensus reached in the National Consultative Council—which forms the basic framework of the Plan, and the guiding tenets of the Rukunegara—we would have sadly missed the very real opportunity that this Plan offers for building a just, progressive, united and enduring society. The Plan is yet a further evidence that under the leadership of the Alliance Government, there is a place and the means for a fuller, richer and more meaningful life for *all* Malaysians, irrespective of race, social background or region of the country they happen to be in.

Tujuan utama dan nyata bagi Ranchangan ini ia-lah untuk perpaduan negara. Kita semua ketahui bahawa perpaduan negara

bukan-lah hanya masaalah ekonomi dan ini ada-lah di-nyatakan dalam Ranchangan. Tetapi masaalah ekonomi ada mempunyai kaitan yang besar dengan perpaduan dan penyelesaian² yang di-chadangkan yang kena pada waktu-nya mengenai beberapa masaalah asas ekonomi di-sekeliling kita boleh memainkan peranan utama dalam meningkatkan perpaduan negara.

The provision of wide access to more places in education and training, the creation of jobs for as many of those who seek work, the ability and opportunity to participate in the many endeavours that make up our national life are important factors in infusing a sense of belonging, identity and usefulness among our young people. Those indeed are the programmes envisaged under the Second Malaysia Plan and implement them with vigour and determination we must.

Sir, the eradication of poverty and the elimination of the present identification of race with economic function must be crucial steps in the emergence of a dynamic and progressive Malaysian nation. For so long as vast sections of our people, in both rural and urban areas, exist in poverty, malnutrition and squalor, the dynamics of nationhood must remain an empty appeal and their sense of commitment to the institutions and values we hold dear, and their determination to uphold these institutions and values, will be weak. So also, where one group of our people remains destined to eke out a hand-to-mouth existence as fishermen and farmers, as rubber tappers and public service labourers, while yet others flourish as captains of commerce and industry, as owners and operators, we cannot say we have truly welded together an enduring society in which each man can advance to the best of his ability and talent. In such situations the fabric of our society will have 'built-in' weaknesses forever and be subject to periodic upheavals. Hence, the two-fold objective of the New Economic Policy, reflected in the Second Malaysia Plan, to eradicate poverty among all our people and to bring about structural changes in Malaysian society to remove the identification of race with economic activity is the lasting answer to our basic problems. This objective is the backbone of the whole Plan, around which is built the programmes and actions to create employment, to modernise the rural areas, to expand and improve education and health, housing and other social services.

Of particular importance is the strategy to be adopted for achieving the Plan's objectives. It is stated in the Plan, and this was also highlighted by the Honourable the Prime Minister, that *the resolution of the problems of poverty and economic compartmentalisation in a multi-racial society such as ours and in the dynamic setting in which we view our progress, does not lie in taking away from those who are better off today to give those who now have less.* The latter solution would be short-sighted, somewhat negative and a highly disruptive one in the circumstances. The Second Malaysia Plan is so formulated as to achieve a just and equitable distribution of the vast benefits arising from development, in the context of an ever expanding economy which draws into active participation all races and social groups and religions. The assurance given by the Honourable Prime Minister that no one need experience any loss or erosion of his rights, properties, privileges, income, job or opportunity is sacred testimony of this Government's concept and philosophy of nationhood and development.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ada-lah sukar bagi memahami mengapa Ahli Yang Berhormat dari Batu yang berucap sa-lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menimbulkan keraguan terhadap mithal-nya, bagaimana orang² Melayu dan bumiputra yang lain boleh memasuki pergerakan sektor yang moden. Beliau menekankan Ranchangan Malaysia Kedua itu tidak merupakan satu jawapan dan menhadangkan bahawa orang² China dan orang² asing akan menyerahkan sa-bahagian daripada kekayaan mereka sekarang untuk mencapai tujuan ini. Ini adalah satu pendapatan yang nakal terhadap langkah² yang telah di-nyatakan dengan jelas-nya bagi menolong mereka yang tidak beruntung menerusi satu proses perkembangan, pembangunan dan perubahan.

Sir, Malaysia is, and will continue to be, a country which will offer a proud home and plenty to all who have put their skills, talents and abilities to work to develop the country to its eminent position among the emerging nations of the world. *We are determined to give substance to this promise and the Second Malaysia Plan is evidence of this. We are also determined to ensure that in the march of progress we do not leave behind sections of our people who, through reasons of history*

and economics, have not been as well-placed as others to reap the benefits of a growing and modernising economy.

This applies to the rural Malays, struggling to exist on fishing or farming, to the natives of East Malaysia who are also rooted in similar activities, as well as to the poor Indians and Chinese eking out a hand-to-mouth existence in petty urban trades or in rural areas. In many respects, the lot of the urban poor and those on rubber estates can be even more desperate than other rural dwellers with at least a plot of land. The vast majority of them have no land or houses of their own, nor any alternative source of income on which to rely should they face any sudden misfortune. Large parts of the education programmes, programmes to provide housing, health and community services, water supplies and other facilities and land schemes are designed to alleviate their status and to provide them with the real opportunities to pursue more productive activities. The Plan's programme to fight poverty is indeed a broad-based one which aims a frontal attack on both its causes and its manifestations. Sir, besides giving them greater access to the social amenities—housing, education, training, health facilities and the like—an important area of the activity of the Plan is the attention to be given to small-scale industries and businesses, that is for the small man without much means of his own. Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Federal Industrial Development Authority and MARA etc., have been given the resources to provide technical and financial support for such small-scale operator. Also, a new Development Bank is to be established, which will have a large role in the development and spread of such industries and businesses. The operations of FAMA and Bank Pertanian are also to be expanded to cover production and marketing assistance for crops other than padi. Replanting assistance for smallholders is also to be enlarged—to cover some 600,000 acres.

Sir, all these represent opportunities to the ordinary man, opportunities for all sections of our community, regardless of race or region. The programmes and policies to facilitate the entry of Malays and other indigenous people into modern sector activities and to promote substantial increases in their incomes and welfare, are vital aspects of the Plan and will constitute an area of close

attention of the Government. But, Sir, the Government is also well aware that there are masses of non-Malays who are caught in the poverty trap, whose capacities of self-help and for whom opportunities to share in the modernisation and progress of the Malaysian economy are severely limited. They are to be found both in urban areas and in the rural areas—their lot is barely above that of the masses of fishermen and farmers.

The Plan clearly recognises this. For instance, in the share capital of limited companies in 1969, shown in Table 3.1 (page 40), it is shown that less than 1% is owned by Malaysian Indians, which is even less than that the Malays share of the capital. The meagre participation of Malaysian Indians in modern sector activities, in manufacturing, commerce and services is further shown by the fact that, with the retrenchment of labour from their traditional preserve—the rubber estates—Indian unemployment rates have risen sharply. Similarly the majority of the poor people in the traditional urban sector are ordinary Malaysians of all racial origins.

Sir, emphasis is given in the Plan to the creation of productive employment opportunities and to the establishment of small businesses and industries, the education and training programmes, the disposal of industries, the provision of infrastructure facilities, and so on. It is Government's intention, that these facilities and opportunities should be available to these masses of disadvantaged irrespective of their racial origin. The kind of society that we seek to create here in Malaysia cannot tolerate large pockets of people, of whatever race, being left behind in the modernisation and progress of the country. The Second Malaysia Plan, and Plans which will follow, will offer real opportunities to the have-nots of all races to contribute and benefit from the nation's progress and prosperity.

Tuan Yang di-Pertua, biar-lah sekarang saya menyentuh mengenai masalah pekerjaan dan penganggoran. Sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam chapter VII bagi Ranchangan itu dan telah di-ulangi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, salah satu dari masalah yang sukar yang kita hadapi ia-lah beban yang besar bagi menchari peluang² pekerjaan yang menchukupi dan produktif untuk beribu² belia yang meninggalkan sekolah untuk menchari pekerjaan.

Dalam masa Ranchangan Lima Tahun ini, tenaga buroh ada-lah di-anggarkan bertambah pada kadar 3% sa-tahun ka-dalam pasaran buroh kira² 130,000 orang tiap² tahun. Bidang ekonomi menghadap beban yang berat bagi menchari kerja untuk orang yang ramai bilangan-nya.

It is clear that no economy, and in particular a developing economy, can cope with the continued inflow of such numbers into the job market. The targets of the Plan are that we will through the numerous programmes outlined in the Plan, generate a total of nearly 120,000 new jobs each year, which is substantially greater than that achieved under the First Malaysia Plan. The fact that at the end of the Plan period, we can hold unemployment to its present level of 7.3% for the whole of Malaysia or 8% for West Malaysia is, in itself, a notable achievement.

The Second Malaysia Plan places priority emphasis on the creation of employment and increase in the productivity of those who are now under-employed. In all our efforts, emphasis is to be given to the greater use of labour, as rapid growth of output and income can well take place without much improvement in the employment position. Malaysia, as a member of the International Labour Organisation, is already closely associated with the work of the Asian Regional Employment Programme of the I.L.O., in order to assess the full employment potential of our development programmes and to find ways and means of increasing the employment impact of these programmes. The Second Malaysia Plan will form the basis for even greater collaboration with the I.L.O. on these matters.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya telah di-ubahkan nama-nya sa-bagai Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat kerana menyedari chabaran² terhadap tugas² pekerjaan dan latehan. Kita sekarang dalam proses menubuhkan penerangan² tenaga ra'ayat yang sa-chukup-nya dan aktiviti² latehan bagi menghadapi chabaran ini. Langkah² sedang di-ambil untuk mendapatkan kerjasama perusahaan tempatan dan pertubohan² Antarabangsa bagi membolehkan kita menchapai tugas² ini.

Satu langkah penting bagi menuju ka-arrah ini ada-lah pembentokan National Industrial Training and Trade Certification Board yang akan membantu menentukan mutu bagi Latehan Perusahaan dan Ketukangan dan

mengeluarkan akuan bersama. Dalam tempoh ranchangan ini juga akan meninjau perlaksanaan yang berkesan bagi Ranchangan Keselamatan Sosial yang akan lebih menitikberatkan lagi kebajikan pekerja².

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa besar hati untuk menyokong usul ini dalam Dewan ini. (*Tepok*).

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahathan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini dan menyokong dengan sa-kuat²-nya Usul yang di-kemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada hari yang lalu. Buku Merah ini, Tuan Yang di-Pertua, membuktikan bahawa Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini tidak putus² berikhtiar dan berusaha untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup ra'ayat negara ini, walau pun pada masa² yang lampau kebaikan dan ranchangan untuk kebajikan ra'ayat telah di-jalan dengan memuaskan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Kerajaan terutama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang merupakan sa-bagai sa-orang maha juru bena pembangunan negara yang menganjorkan serta tidak putus² asa untuk berusaha bagi ketinggian taraf ra'ayat negeri ini.

Sungguh pun demikian, umpama mendirikan sa-buah benaan walau pun juru benanya mengemukakan suatu reka bentok yang sangat baik dan elok, tetapi banyak bergantung kepada kejujoran dan keikhlasan kontrekter dan semua yang terlibat dengan pembenaan bangunan itu. Oleh yang demikian, suka-lah saya, Tuan Yang di-Pertua, mengemukakan beberapa pandangan yang besar² supaya pembenaan bangunan ini, atau perlaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua ini dapat di-jalankan dengan memberi keuntungan kepada semua ra'ayat dan dapat tercapai perpaduan bagi semua kaum bagaimana yang di-chita²kan oleh Kerajaan.

Tujuan besar Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua ini ia-lah mengurangkan dan sa-lanjut-nya menghapuskan kemiskinan dengan jalan meninggikan pendapatan dan pekerjaan untuk semua warganegara Malaysia dengan tidak membezakan kaum, bangsa dan sa-bagai-nya.

Yang kedua, untuk memajukan proses penyusunan sa-mula masyarakat Malaysia supaya dapat membasmikan perbezaan dari segi ekonomi warganegara Malaysia.

Kedua² tujuan di-atas ini menjadi asas dasar ekonomi Malaysia yang baharu dan berpegang kepada keadaan ekonomi yang sedang berkembang dengan pesat-nya membolehkan semua orang² Malaysia mengambil peranan mereka dan juga supaya dapat bahan² baharu di-gunakan untuk kemajuan ekonomi.

Berkenaan dengan peluang bekerja dan pekerjaan baharu yang akan di-adakan, Ranchangan Kedua ini dalam Bab 7, bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Buroh baharu sa-bentar tadi, menerangkan ia-itu:

- (a) di-dalam tahun 1966 dan 1970 tenaga buroh telah bertambah sa-banyak 15 peratus dan pekerjaan bertambah sa-banyak 14 peratus sahaja. Jadi penganggoran juga meningkat kepada 8 peratus, atau 250,000 orang tidak ada mempunyai pekerjaan pada tahun 1970. 30 peratus daripada mereka itu ada-lah orang² muda di-antara 15 dan 25 tahun umur-nya, dan di-dalam bandar²-lah tertumpu-nya penganggor² ini, tidak kurang dari 10 peratus.
- (b) Ranchangan Malaysia Yang Kedua bertujuan hendak menambahkan pekerjaan baharu sa-banyak 596,000 ia-itu 151,000 pekerjaan lebih daripada jumlah pekerjaan yang telah di-buat dalam masa 1966-1970 yang berjumlah dan berjumlah 445,000 orang. Ini bermakna, dalam tahun² 1971 hingga 1975, sa-banyak 119,000 pekerjaan baharu terpaksa di-adakan tiap² tahun.
- (c) Sungguh pun begitu, pekerjaan² baharu yang akan di-adakan itu tidak mencukupi untuk memberi pekerjaan kepada semua tenaga buroh yang di-anggap akan bertambah sa-banyak 645,000 orang dalam masa yang sama. Jadi pada akhir masa Ranchangan Malaysia Yang Kedua ia-itu tahun 1975, penganggoran ada-lah di-anggap akan tetap sa-banyak 7.3 peratus untuk Malaysia seluruh-nya, atau 8 peratus untuk Malaysia Barat sa-rupa juga dalam masa 1970.
- (d) Oleh sebab faktor² yang di-nyatakan di-dalam ranchangan kedua ini, penambahan pekerjaan² baharu dalam tahun

1966 hingga 1970 telah kurang, maka penganggoran telah bertambah dan sa-banyak 275,000 orang telah tidak dapat apa² pekerjaan dalam tahun 1970. Perkara yang sa-rupa ini boleh juga berlaku dalam masa ranchangan kedua ini, ia-itu tahun 1971 hingga 1975.

- (e) Oleh itu nampak-nya Ranchangan Malaysia Kedua ini juga tidak akan dapat menurunkan bilangan penganggoran atau orang yang tidak dapat pekerjaan. Boleh jadi juga penganggoran akan menjadi lebeh burok terutama sa-kali jika dasar Kerajaan hendak menambahkan mata pencharian di-luar bandar bagaimana yang ada dalam ranchangan ini tidak dapat di-jayakan.

- (f) Jadual 76 di-muka 122 menunjukkan bahawa pekerjaan² baharu . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sebut perenggan, jangan sebut muka oleh sebab muka itu berlainan dari nashkah bahasa Inggeris dengan nashkah Bahasa Kebangsaan.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tidak, ini Jadual bukan perenggan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berchakap tentang Jadual 76.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Jadual 76 Menunjukkan bahawa pekerjaan baharu atau Table 76 dalam Inggeris-nya ada-lah di-anggarkan akan bertambah sa-banyak 25.3 peratus atau 125,000 orang dari segi pertanian, 27.9 peratus atau 138,000 orang dalam segi perusahaan, dan yang terbanyak sa-kali ia-lah 46.9 peratus ia-itu 232,000 orang dalam segi perkhidmatan. Pekerjaan baharu dari segi pertanian ada-lah kurang. Ini ada-lah berma'ana pertanian tidak boleh di-anggap sa-bagai satu sector yang boleh membantu dalam hal ini atau growth sector. Perusahaan atau sector perkilangan atau perusahaan ada-lah di-anggap akan menambahkan pekerjaan baharu sa-banyak 108,000 orang dengan pelaburan sa-banyak \$1,850 juta. Ini berma'ana tiap² satu pekerjaan baharu yang di-adakan berharga pada hetong panjang lebeh kurang \$17,000. Ini tidak-lah boleh di-sifatkan sa-bagai penggunaan buroh yang banyak atau "labour intensive".

Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Bab 3 atau Chapter 3 berhubong dengan perimbangan ekonomi mela-

porkan bahawa bilangan orang² Melayu yang bekerja ada-lah terbesar sa-kali dalam sector tradisi luar bandar di-mana mereka itu lebeh daripada orang² bukan Melayu dengan kadar 3:1. Tetapi di-dalam sector tradisi bandar yang terdiri daripada bahagian perdagangan, pembenaan, pengangkutan dan sa-bagai-nya, orang² bukan Melayu pula ada-lah lebeh banyak daripada orang Melayu dengan kadar 3:1. Jika di-bandingkan sector moden luar bandar dengan sector moden bandar pula orang² bukan Melayu lebeh ramai bekerja dari orang² Melayu dengan kadar 5:2.

Mengikut data² yang ada, pendapatan² dengan hetong panjang ada-lah tinggi di-dalam sector moden bandar dan sederhana dalam sector moden luar bandar, dan di-kedua² sector ini, Tuan Yang di-Pertua, orang² bukan Melayu-lah yang bekerja lebeh ramai dari orang² Melayu. Ini berma'ana bilangan orang² Melayu yang mendapat pendapatan, dengan hetong panjang, tinggi dan sederhana ada-lah jauh kurang daripada orang² bukan Melayu ia-itu dengan kadar 5:2.

Sa-lain daripada itu ada-lah di-dapati bahawa semua bendang² padi ada-lah di-punyai oleh orang² Melayu. Tetapi, orang² Melayu mempunyai chuma 37 peratus sahaja daripada kebun² getah atau smallholders dan mereka tidak mempunyai sadikit pun kebun getah sa-luas 100 ekar atau lebeh. Dari segi kepunyaan saham² sharikat² yang berhad pula, kita di-beritahu bahawa mengikut hetongan sharikat² pada tahun 1969, orang² Melayu mempunyai hanya 1 peratus sahaja saham² sharikat di-Malaysia Barat.

Dari angka² ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa orang² Melayu bukan-nya pemilek² kekayaan atau "owners of wealth" dan bukan juga menjadi pengurus² kekayaan atau "managers of wealth" dan pekerja² yang mengeluarkan kekayaan hasil bumi dalam negeri mereka sendiri. Jadi dengan sebab itu, maka timbul-lah beberapa hal² yang meragukan di-dalam fikiran saya.

Kerajaan telah menchatit dengan sa-chara kasar beberapa langkah yang akan di-ambil untuk meninggikan peranan orang² Melayu dalam semua segi ekonomi supaya mereka itu akan mempunyai dan mentadbirkan sa-kurang²-nya 30% daripada jumlah perdagangan dan perusahaan dan lain² lagi. Kerajaan juga dalam ranchangan ini dengan azam dan tegas mengishtiharkan bahawa dari

segi pekerjaan, terutama sa-kali dalam sektor moden bandar dan sektor moden luar bandar, pekerjaan² mesti-lah mengandongi semua orang² Malaysia mengikut bilangan mereka sa-bagai penduduk negara ini.

Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, butir² yang penoh berkenaan dengan langkah² yang akan di-ambil untuk menentukan peranan orang² Melayu itu akan meningkat tidak-lah pula di-sebutkan dengan pasti-nya. Umpama-nya, (a) ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula dasar² yang sedang di-jalankan pada masa ini untuk meningkatkan peranan orang² Melayu dalam perdagangan, dalam bidang perusahaan, dalam bidang melombong, membijeh dan juga pembenaan. (b) Dan ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula kesan² atau effect undang² yang di-ishtiharkan untuk mengawal pembenaan, untuk mengawal sharikat² kewangan, untuk mengawal peng-usaha² "higher purchase" umpama-nya, dan lain² atas orang Melayu yang juga suka mengambil peranan dalam hal² ini? Tetapi pada masa hendak masuk di-dalam bidang ini undang² telah sedia ada untuk menyekat usaha² itu (c) Saya suka juga hendak bertanya, ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula tentang faedah², atau kesan dari akibat² Malay Land Reserve System, oleh sebab harta² yang saperti ini tidak mempunyai pasaran yang besar. Oleh sebab itu, nilai harga-nya pun amat-lah kekurangan dan dengan tiada-nya satu² badan yang mentadbirkan hal² berkaitan dengan sistem Tanah Reserve Melayu ini, maka sa-lama itu-lah orang² Melayu tidak akan dapat menafa'at dari kekayaan mereka itu.

Di-sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat kepada buku yang di-tulis oleh Dr Yip Yat Hoong, University of Malaya berkenaan dengan *The Development of the Tin Mining Industry of Malaya*." Beliau telah menulis bahawa sharikat orang² Eropah pertama sa-kali melombong bijeh di-Tanah Melayu, ini ia-lah sharikat kepunyaan orang Perancis, dan sharikat British mula melombong dalam tahun 1882. Kesemua-nya sharikat² itu telah tidak berjaya dan mereka sakalian tidak dapat bertanding dengan sharikat lombong orang² China. Mereka itu tidak berjaya sunggoh pun Kerajaan British pada masa itu bersedia memberi mereka tanah² untuk melombong dengan sa-luas²-nya. Dalam tahun 1912, sharikat orang² Eropah mula

menggunakan dredging dan sharikat² itu kena-lah mempunyai kawasan, atau tanah lombong yang luas. Jadi tidak-lah menjadi hairan bahawa Malay Land Reserve System ini mula²-nya di-tubuhkan di-negeri Perak dalam tahun 1933. Sa-belum pada itu Kerajaan Perak selalu juga mengambil balek tanah² yang di-berikan kepada orang² Melayu dan China untuk di-jual kepada sharikat lombong kepunyaan orang Eropah. Tindakan sa-macam ini telah di-buat pada mula-nya dalam tahun 1906.

Oleh itu, kita boleh-lah berpendapat bahawa satu tujuan yang tidak di-sebutkan apabila Malay Land Reserve System itu di-ishtiharkan ia-lah hendak memberi pertolongan kepada sharikat² lombong orang Eropah.

Menyebut hal ini, suka saya bertanya, ada-kah Kerajaan akan mengkaji sa-mula Investment Incentives Act tahun 1968, supaya dasar Kerajaan hendak mendorongkan perusahaan ka-kawasan² luar bandar itu berjaya, dan juga untuk memberi keutamaan kepada orang² Melayu am-nya. Saya perchaya Kerajaan memang sedar bahawa Investment Incentives Act tahun 1968 telah membuat kesan² yang tidak baik oleh sebab perusahaan² telah di-dirikan di-beberapa tempat sahaja ia-itu di-Petaling Jaya, di-Ipoh, di-Pulau Pinang, di-Johor Bahru, di-Butterworth; dan bandar² yang lain termasuk-lah Industrial Estate di-Senawang tidak dapat menarek perusahaan di-tempat masing² itu. Ini ada-lah tidak sa-imbang yang boleh menjadi lebeh burok jika tindakan tidak di-ambil dengan sa-berapa segera-nya.

Saya suka juga hendak mendatangkan pertanyaan jika Kerajaan akan mengkaji sa-mula dasar² berkenaan dengan kegunaan (Consultant Firms)—Sharikat² Perunding, Kontrekter dan sa-bagai-nya. Mengikut Jadual 11-5, ia-itu dalam naskhah Melayu mula 198, Malaysia akan melaborkan sabanyak \$928 juta dalam segi perusahaan pembenaan dan tidak kurang dari \$755 juta akan di-belanjakan di-Malaysia Barat. Anggaran perbelanjaan ini akan bertambah berjumlah \$1,423 juta untuk Malaysia pada akhir tahun 1975 dan \$1,140 juta untuk Malaysia Barat.

Dari segi peluang pekerja dan juga yang di-katakan "Development of Skill Expertise dan Experience," ada-lah mustahak bahawa perojek² yang akan di-lancarkan kelak di-jalankan oleh warganegara Malaysia sahaja.

Tetapi, oleh sebab beberapa faktor yang tertentu, maka terpaksa-lah Kerajaan menggunakan firma² dan juga pekerja² bukan warga-negara. Dalam hal ini mustahak sangat pada hemat saya bagi Kerajaan menentukan bahawa firma² kepunyaan orang² Melayu, atau mempunyai pekerja² orang Melayu atau bumiputra yang ramai di-beri keutamaan supaya mereka itu dapat pengetahuan dan pengalaman.

Cheraian 470 menyatakan bahawa dalam segi perusahaan ada-lah di-kehendaki meningkat sa-kurang²-nya 12.5% tiap² tahun daripada jumlah \$1,118 juta pada tahun 1970 hingga \$2,014 juta pada tahun 1975. Untuk mendapatkan hasil ini ada-lah di-angapkan pehak Kerajaan terpaksa membelanjakan sa-banyak \$330 juta sa-bagai pelaburan. Dari jumlah ini \$230 juta akan di-salurkan menerusi PERNAS dan juga MIDF dan \$100 juta menerusi MARA dan juga PKEN. Sa-balek-nya Jadual 11-6 atau Table 11-6 di-muka 202 dalam naskah Melayu dan 179 buku dalam naskah Inggeris bahawa PERNAS akan di-berikan sa-banyak \$100 juta sahaja, bagitu juga MIDF. MARA \$73 juta dan PKEN \$45.6 juta.

Sa-lain dari itu Kerajaan telah juga membuat anggaran perbelanjaan sa-banyak \$100 juta untuk UDA atau LPB dan \$35 juta untuk Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia dan \$46 juta untuk Sharikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia. Ada-lah menjadi aneh agak-nya, pada pendapat saya bahawa per-untukan ini tidak di-buat untuk kemudahan yang akan di-beri kepada orang² Melayu yang hendak mengambil peranan di-dalam perdagangan, di-dalam pelanchongan dan sa-bagai-nya sa-lain dari perusahaan indasteri. Oleh kerana ujud-nya MIDF, MARA dan Bank², barangkali ada-lah di-jangka bahawa sa-kira-nya orang² Melayu hendak meminjam wang untuk menubuhkan perusahaan dan memulakan perniagaan dan sa-bagai-nya maka terpulang-lah kepada MIDF, kepada MARA dan Bank² memberikan pinjaman wang yang di-kehendaki. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman dan pengetahuan, ada-lah amat sukar dan hampir² mustahil badan² itu dapat memberikan pinjaman atau kemudahan² yang lain, terutama sa-kali jika sa-kira-nya chagaran atau "collateral" itu ada-lah tanah² Malay Reserve atau pun saham² sharikat yang tidak di-jual beli di-Stock Exchange. Ini berma'ana, Tuan Yang di-Pertua, kesulitan kewangan dan credit

orang² Melayu tidak dapat di-atasi juga. Maka pada fikiran saya suka-lah saya mengemukakan shor ini kepada Kerajaan supaya menubuhkan satu Tabong Amanah atau "trust fund" yang di-selenggarakan oleh bank² tempatan saperti Bank Bumiputra, Malayan Banking atau United Malayan Banking Corporation. Tujuan besar Tabong Amanah atau Trust Fund ini ia-lah untuk di-beri pinjaman kepada peniaga² Melayu atau peniaga² untuk membeli saham² equity dalam sharikat perniagaan bersama atau joint ventures, perusahaan pembenaan dan sa-bagai-nya.

Pada masa sekarang pelabor² daripada orang² asing mengambil bahagian dalam lapangan ini tidak tertarek kepada joint-venture ini bersama² dengan orang² Melayu oleh sebab mereka tahu orang Melayu tidak akan dapat membeli saham equity yang di-tetapkan oleh mereka terutama jikalau modal permulaan itu melebehi \$1 juta. Sa-kira-nya, Tabong Amanah itu di-tubuhkan maka orang² Melayu dan peniaga² Melayu boleh-lah meminjam daripada tabong itu dengan saham sharikat itu di-gunakan sa-bagai chagaran, dan bayaran beransor² dalam masa yang panjang. Dalam hal ini tidak payah-lah orang² Melayu, pada permulaan-nya menentukan projek²-nya.

Cheraian atau paragraph 500 menyatakan bahawa Kerajaan akan mendirikan satu Development Bank untuk menentukan bahawa orang² Melayu akan dapat mengambil bahagian yang lebeh besar dalam semua lapangan ekonomi. Ada-lah menjadi kebiasaan chadangan² hendak menubuhkan satu²-nya badan untuk faedah orang Maleyu, khas-nya ini di-bangkang oleh pehak² yang tertentu. Sa-tahu saya chadangan untuk menubuhkan Development Bank ini sudah pun di-buat dalam masa pemerentahan Mageran dahulu, tetapi baharu² ini-lah sahaja maka chadangan ini di-terima oleh Kerajaan. Saya perchaya bahawa penubuhan Development Bank ini memakan masa yang lama. Demi kepentingan masharakat Melayu, saya menyeru kepada Kerajaan supaya menubuhkan Development Bank itu dengan sa-berapa segera-nya.

Bank Bumiputra dan juga Bank Pertanian telah membuat bukti bahawa jika sa-kira-nya halangan tidak ada, dan peluang² di-beri kepada orang² Melayu mereka itu boleh di-dided dan di-lateh menjalankan kewajipan mereka sa-bagai pegawai² bank yang chekap,

tetapi bila di-katakan bahawa tidak ada kaki-tangan yang mahir untuk menyelenggarakan Development Bank itu ada-lah satu pandangan yang sempit dan berhajat membangkang penubuhan Development Bank.

Sa-bagai kita mengetahui boleh-lah di-katakan tiap² negeri yang sedang membangun dan juga yang telah maju seperti Jepun, Jerman Barat dan lain² juga ada dengan Development Bank masing². Jadi boleh-lah di-sifatkan segala bangkangan berkenaan dengan penubuhan Development Bank di-Malaysia ini boleh-lah di-sifatkan sa-bagai academic sahaja. Saya berasa mushkil apa-kah sebabnya kawasan² pembangunan, atau "growth centres" ini di-sifatkan sa-bagai kawasan² perhutanan yang sedang dan akan di-buka seperti Jengka Triangle, Pahang Tenggara, Johor Tengah dan Tanjong Pengerang. Pada fikiran saya kawasan² seperti Batu Tiga, Klang, Port Swettenham, Kepong, Setapak dan sa-bagai-nya ada-lah juga kawasan² pembangunan; dan sa-kira-nya tujuan Kerajaan supaya orang² Melayu dapat mengambil tempat atau peranan mereka dalam semua lapangan perniagaan ini, maka langkah² yang akan di-ambil dan yang tersebut di-Cherian atau Paragraph 155 (ii) di-muka 54 naskhah Melayu-nya patut-lah juga di-buat di-kawasan² tersebut. Bukti dan kejayaan yang akan di-pastikan dalam masa yang sengkat sahaja; sa-balek-nya, jika kita menanti Jengka Triangle itu telah berjaya maka lambat-lah kita mendapat tahu ada-kah langkah tersebut akan berjaya atau tidak-nya.

